# Pelita Brunei

DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI

TAHUN 24 BILANGAN 30 | RABU 25HB JULAI, 1979. | رابو 29 شعبان 1399 | PERCHUMA

## Raayat dan pendudok nekmati hasil pembangunan yg di-sediakan

KUALA BELAIT.—Berbagai-bagai projek pembangunan samada di-perengkat negeri mahu pun di-perengkat daerah yang di-usahakan oleh Kerajaan Duli Yang Maha Mulia untok meninggikan taraf hidup raayat di-negeri ini telah dapat di-nekmati hasil-nya.

Ini telah di-sembahkan oleh Pegawai Daerah Belait, Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd Jaafar di-Istiadat Mengadap yang di-adakan di-Dewan Kemasharakatan di-sini pada hari Ahad, 22hb Julai yang lalu.

Dato Paduka Haji Abdullah menyembahkan, salah satu kemudahan yang di-laksanakan untok pendudok Daerah Belait ia-lah pemasangan alat2 perhubongan sa-lain daripada radio talipon di-kawasan pendalaman dan mukim.

Sembah-nya, pada masa ini sudah terdapat pemasangan alat perhubongan talipon 'Solar Charge' yang menggunakan tenaga matahari di-rumah panjang Kampong Menderam Besar, dan jika terbokti alat perhubongan ini sesuai ia-nya akan di-perluaskan lagi penggunaan-nya di-beberapa kawasan pendalaman yang lain.

Bagaimana pun alat perhubongan yang menggunakan 'Mikro Wave', sembah Dato Paduka Awang Haji Abdullah, baharu saja siap di-pasang untok kegunaan

Lihat muka 20



KEBAWAH DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan ketika bertitah di-Istiadat Mengadap di-Dewan Kemasharakatan Kuala Belait pada hari Ahad lalu.

# RAAYAT DI-INGATKAN SENTIASA BERWASPADA

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei Sir Muda Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah mengingatkan raayat dan pendudok negeri ini akan peri mustahak-nya mengamalkan sikap sentiasa berwaspada, bersatu-padu dan hormat-menghormati antara satu dengan yang lain.

Dengan berbuat demikian, titah Baginda, Insha Allah negeri kita Brunei akan dapat terus berkembang maju dalam keadaan aman sejahtera lagi terselamat.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan bertitah demikian di-Istiadat Mengadap dan Menyembahkan Uchapan Keshukoran di-Daerah2 Tutong, Temburong dan Belait pada minggu lalu.

Baginda Yang Dipertuan juga telah menyatakan penghargaan dan terima kaseh Baginda kapada semua pehak yang telah menjayakan berbagai chorak perayaan bagi menyambut Hari Keputeraan Baginda yang ke-33 tahun.

Terdahulu dari itu, Baginda Yang Dipertuan menguchapkan shukor ka-hadhrat Allah Subhanahu Wataala atas segala rahmat dan kornia-Nya kapada kita semua.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia telah berangkat ka-Daerah Tutong pada hari Selasa 17hb Julai; ka-Daerah Temburong pada hari Khamis 19hb Julai dan ka-Daerah Belait pada hari Ahad 22hb Julai untok menerima tabek kehormatan di-Upachara2 Perbarisan Kehormatan bersempena Hari Keputeraan Baginda.

Upachara2 Perbarisan dan Istiadat Mengadap itu ada-lah sa-bagai memulakan perayaan sambutan ulang tahun keputeraan Baginda Yang Dipertuan di-daerah2 tersebut.

## *Daerah Tutong chapai beberapa projek perkembangan*

PEKAN TUTONG — Lebeh kurang 1,700 ekar tanaman padi dan 869 ekar tanaman buah-buahan sedang di-usahakan oleh pendudok dengan bantuan Jabatan Pertanian di-Daerah Tutong ketika ini.

Demikian antara lain projek2 perkembangan yang di-laksanakan oleh Kerajaan Baginda Sultan di-Daerah Tutong yang di-sembahkan oleh Pemangku Pegawai Daerah Tutong Awang Puasa bin Tudin di-Istiadat Mengadap dan Menyembahkan Keshukoran yang telah di-langsongkan di-Dewan Kemasharakatan di-sini.

Pemangku Pegawai Daerah itu menyembahkan bahawa sa-ramai kira2 166 orang penuntut telah juga di-lateh dalam berbagai bidang pertanian antara-nya 62 orang berkursus sa-penoh masa di-Pusat Latehan Pertanian Sinaut.

Awg. Puasa seterus-nya berharap dengan usaha demikian kemakmoran dan kesejahteraan kapada raayat dan pendudok di-daerah tersebut akan bertambah-tambah lagi.

Istiadat Mengadap dan Menyembahkan Keshukoran yang di-sembahkan oleh pegawai dan kaki-tangan Kerajaan serta raayat dan

Lihat muka 20

## Raayat dan pendudok Daerah Temburong dapat menekmati ketenteraman hidup

Dalam istiadat yang sama bagi Daerah Temburong pada pagi Khamis, 19hb Julai, bertempat di-Dewan Sekolah Ugama Pengiran Muda Mohammad Bolkiah di-Pekan Bangar, Pemangku Pegawai Daerah Temburong, Awang Haji Yaakub bin Haji Ahmad telah menyembahkan uchap selamat dan keshukoran kapada Baginda Yang Dipertuan.

Dalam sembah keshukoran itu, Awg. Haji Yaakub yang mewakili pegawai2 dan raayat serta pendudok daerah tersebut menyatakan, berkat kebijaksanaan dan pimpinan yang adil dan saksama Baginda, raayat dan pendudok berkenaan telah dapat menekmati kesejahteraan dan ketenteraman hidup tanpa sa-barang ketakutan atau kebimbangan.

Awg. Haji Yaakub juga menyembahkan ikrar dari raayat dan pendudok tersebut untok memberikan kerjasama demi mengekalkan kesejahteraan dan keharmonian hidup dari sa-barang noda.

Raayat dan pendudok daerah itu juga sembah Awg. Haji Yaakub, dengan ikhlas dan sa-bulat hakikat menyekutukan diri atas sembah keshukoran yang telah di-sabdakan oleh Menteri Besar, YAM Pengiran Dipa Negara Laila Diraja Pengiran Abdul Momin di-Istiadat Mengadap di-Lapau pada 15hb Julai yang baru lalu.

"Sempena hari baik bulan baik ini hamba Duli Tuan Patek sa-kali lagi dengan perasaan yang tulus ikhlas menekankan sembah taat setia yang tidak berbelah bahagi kapada Kebawah Duli Tuan Patek dan keperchayaan yang penoh terhadap Kerajaan Kebawah Duli Tuan Patek" sembah Awg. Haji Yaakub sa-lanjut-nya.

## Melihat anak bulan Ramadhan

BANDAR SERI BEGAWAN — Pegawai2 dari Jabatan Hal Ehwal Ugama dengan kerjasama Pegawai2 dari Jabatan Ukor akan melakukan penglihatan anak bulan Ramadhan tahun 1399 di-daerah2 Brunei-Muara, Tutong dan Belait pada petang ini, 25hb Julai, 1979.

Jika anak bulan Ramadhan kelihatan pada petang ini, maka umat Islam di-negeri ini akan mula berpuasa pada hari Khamis 26hb Julai, 1979.

## MANIS-NYA IMAN

"Jangan-lah kamu dengki mendengki,
Jangan-lah kamu tipu menipu,
Jangan-lah kamu benchi membenchi,
Jangan-lah kamu belakang membelakangi,
dan jangan-lah sa-orang di-antara kamu
menjual atas jualan orang lain.

Hendak-lah kamu menjadi hamba Allah yang bersaudara. Orang Islam bersaudara sa-sama Islam, tidak-lah boleh ia di-zalimi; tidak-lah boleh ia di-dustai, tidak-lah boleh ia di-sia2kan; dan tidak-lah boleh ia di-hinakan. Takwa itu di-sini (sambil Baginda menunjok ka-dada tiga kali). Sudah chukop kejahatan sa-seorang Islam bila dia merendahkan saudara-nya sa-sama Islam. Darah, harta dan maruah sa-seorang Islam ada-lah haram ka-atas sa-orang Islam yang lain."

## Hakim Mahkamah Tinggi yang baru

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei Sir Muda Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah telah berkenan melantek Awang Patrick Trainor sa-bagai Hakim Mahkamah Tinggi yang baru bagi Negeri Brunei. Upachara mengangkat sumpah telah di-laksanakan di-hadapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia di-Istana Darul Hana pada hari Rabu lepas.

Hadhir di-Upachara Mengangkat Sumpah itu ia-lah Tuan Yang Terutama Pesurohjaya Tinggi British di-Brunei, Awang Arthur Watson, YTM Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir; YTM Paduka Seri Duli Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah, YTM Paduka Seri Duli Pengiran Muda Jefri Bolkiah; Penasehat Umom Kebawah DYMM, Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan lain2 pembesar negara dan pegawai2 kanan di-Jabatan Kehakiman dan Undang2.

Pelita Brunei
AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI
DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU
25HB JULAI, 1979

بسم الله الرحمن الرحيم

## MENTAKWAKAN DIRI DALAM SUASANA RAMADHAN

ALHAMDULILLAH. Bulan Ramadhan menjelang dan kita akan berpeluang 'mentakwakan' diri dengan menunaikan ibadat puasa. Sebab apa pun kupasan hikmat disebalek ibadat puasa itu namun dasar-nya ia-lah saperti yang di-hajatkan oleh Allah s.w.t. : ". . . . . semoga kamu bertakwa."

Sesunggoh-nya takwa itu ia-lah himpunan segala sikap yang terpuji menurut sukat2 ajaran Allah. Ia tidak sa-kali gus di-mileki oleh sa-seorang, tetapi sa-chara perlahan2, dan menerusi iman serta amal saleh, ia akan tumboh dan subor lalu menjadi sikap sedia mematohi hukum2 Allah. Maka sesuai dengan peroses menumboh dan mengukohkan-nya itu-lah sa-bahagian besar peluang itu terdapat melalui ibadat puasa, di-mana kita mendisiplinkan diri menahan daripada kelaziman2 dan mungkin juga daripada keterlanjuran2.

Kerana itu-lah dapat di-katakan suasana bulan Ramadhan ini, siang dan malam-nya, di-semarakkan dengan amalan2 mendisiplinkan diri itu. Tinggal lagi terserah-lah kapada kemahuan dan keupayaan masing2 untok menyesuaikan diri dengan suasana sedemikian. Erti-nya : kita mungkin akan mendapati sa-tengah2 orang maseh berkeadaan biasa saperti bukan dalam bulan Ramadhan.

Walau bagaimana pun kita sentiasa menaroh keperchayaan dan sangkaan baik bahawa mereka yang sedemikian itu—jika terdapat—ada-lah dari kalangan orang2 yang berkeuzuran saperti yang di-tentukan oleh hukum shara', dan mereka maseh akan turut pula memelihara kehormatan shara' yang memberi kelonggaran tidak berpuasa kerana uzur itu. Lalu dengan berbuat demikian mereka sa-benar-nya berpeluang juga mendisiplinkan diri untok bertakwa.

Peruntokan undang2 negeri terhadap kesalahan kerana tidak berpuasa dan kesalahan bershubahat kerana-nya ada-lah sa-kadar kawalan yang di-hasratkan bagi maksud menghormati suasana bulan Ramadhan, di-mana dalam segi2-nya yang tertentu shi'ar dan maruah ugama Islam serta orang Islam di-ukor oleh orang lain. Maka dengan sikap takwa jua-lah maruah dan shi'ar tersebut akan terpelihara baik.

Di-negeri ini, kita sa-benar-nya telah di-asoh dan di-beri kesempatan yang luas bagi berfikir dan bersikap sentiasa menjaga kehormatan diri dan ugama. Asohan dan kesempatan begitu di-serentakkan hampir pada semua bidang perkembangan negeri. Mungkin sa-tengah2-nya tidak ketara kerana tidak di-tonjolkan. Itu tidak penting, tapi yang mustahak ia-lah peranan kita masing2 pada mengukohkan lagi asohan serta meluaskan lagi kesempatan itu.

Maka dalam sepanjang bulan Ramadhan ini kita serentakkan-lah pula mendisiplinkan diri pada menyedari peri mustahak-nya peranan itu sa-bagai sa-bahagian daripada takwa yang patut di-chapai dari ibadat puasa.

Selamat berpuasa.

# SOKONGAN ANTARA-BANGSA DALAM PERSEDIAAN KEMERDEKAAN BRUNEI



**BERIKUT ia-lah terjemahan sembah uchapan sepenohnya dari Tuan Yang Terutama Pesurohjaya Tinggi British di-Brunei, Awang Arthur Watson sa-masa Istiadat Mengadap dan menyembahkan uchapan2 keshukoran di-Lapau pada 15hb Julai yang baru lalu.**

Duli Tuanku,

Ada-lah tugas yang sesuai bagi patek sa-bagai Wakil Duli Yang Maha Mulia Baginda Queen di-Brunei untok menyembahkan teks taligeram salam ta'zim daripada Baginda Queen kapada Duli Tuanku sempena Hari Puja Usia Duli Tuanku. Teks taligeram Duli Yang Maha Mulia Baginda Queen itu berbunyi :

**"Dengan sukachita Beta menguchapkan salam ta'zim bagi kema'amoran serta kebahagiaan negara Duli Tuanku sempena Hari Puja Usia Duli Tuanku. Istiadat Menandatangani Perjanjian Persahabatan dan Kerjasama antara Kerajaan Brunei dengan Kerajaan United Kingdom pada bulan Januari 1979 telah menandakan hubongan erat di-antara Brunei dengan United Kingdom. Elizabeth Regina."**

Sesuai dengan kedudokan patek sa-bagai Pesurohjaya Tinggi bagi United Kingdom ada-lah juga bagi patek untok menyembahkan salam ta'zim Kerajaan Baginda Queen di-United Kingdom kapada Duli Tuanku sendiri, kapada Keluarga Diraja Tuanku dan kapada ra'ayat Brunei. Bersama-sama uchapan salam ta'zim itu patek ingin menggabongkan masharakat British di-Brunei, kakitangan Surohanjaya Tinggi British, keluarga patek dan patek sendiri.

Patek ma'alom bahawa ada-lah sudah teradat bagi Pesurohjaya Tinggi British untok menambah sa-patah dua kata-nya sendiri dalam istiadat sambutan Hari Puja Usia Duli Tuanku ini. Patek gembira untok mengikuti perkara yang sudah teradat ini dengan menyingkap kembali keadaan yang memuaskan mengenai kedudokan perhubongan antara negeri Duli Tuanku dengan United Kingdom yang patek saksikan sejak patek tiba di-sini pada penghujong tahun lepas. Patek beruntong dapat menghadiri Istiadat Menandatangani Perjanjian Persahabatan dan Kerjasama antara Kerajaan Brunei dengan Kerajaan United Kingdom oleh Duli Tuanku dan Lord Goronwy Roberts, pada masa itu Menteri Negara, yang di-hadhiri juga oleh Putera Michael of Kent pada bulan Januari tahun ini. Dalam istiadat tersebut Menteri Negara itu telah menyatakan bahawa kejayaan yang menggembirakan itu merupakan satu peristewa baru dalam perhubongan Negeri Brunei dengan United Kingdom. Menteri Negara itu juga menyatakan tentang keyakinan-nya yang jiran2 Brunei yang terdekat dan banyak sahabat-nya yang lain ada-lah juga mengharapkan kesejahteraan bagi Brunei; dan ia juga merujok kapada sokongan tulus ikhlas yang akan di-perolehi Brunei dari negara2 sa-rantau dan antarabangsa sa-masa Brunei membuat persediaan untok mengambil tempat-nya sa-bagai sa-buah negara merdeka penoh dalam lingkongan Negara2 Komanwel. Keyakinan Lord Goronwy Roberts itu telah terbokti dengan penerimaan banyak utusan uchapan tahniah atas penandatanganan perjanjian itu yang datang-nya dari Malaysia, Singapura, Indonesia, Jepun, Australia, New Zealand, dan Belgium. Sifat muhibbah utusan2 itu telah terbokti dengan kunjongan ka-Brunei oleh Tengku Ahmad Rithaudeen, Menteri Luar Malaysia, sa-bagai wakil peribadi Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong Malaysia.

Istiadat ini memberi patek kesempatan untok menyembahkan uchap selamat atas perkahwinan adinda Duli Tuanku dan anakda kapada Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan yang di-hormati itu. Istiadat2 perkahwinan ini memberi peluang kapada ramai orang di-Brunei, samada ra'ayat Duli Tuanku dan orang2 seperti patek yang tinggal di-sini, untok ikut serta bergembira dalam rasa kekeluargaan bersama-sama dengan Duli Tuanku, ayahanda Duli Tuanku yang di-hormati Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan, dan Keluarga Diraja. Patek juga amat sukachita yang di-antara jemputan itu termasok-lah Perdana Menteri Singapura, Tuan Lee Kuan Yew, dan Perdana Menteri Malaysia, Datuk Hussein Onn yang telah menunjokkan penghargaan ka-atas jemputan yang di-hulorkan oleh ayahanda Duli Tuanku yang di-hormati Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan dengan meninggalkan tugas2 serta tanggong-jawab yang berat dan mendesak sa-bagai negarawan dalam dunia moden ini untok berkunjong ka-Brunei bagi bersama-sama keluarga Duli Tuanku dalam perayaan ini. Sa-sunggoh-nya patek perchaya ini dapat di-sifatkan sa-bagai satu detik bersejarah bagi Brunei kerana dua orang Perdana Menteri Koman-

Lihat muka 15

*". . . . . Semoga kamu bertakwa"*

## PANDUAN BERPUASA

BULAN Ramadhan menjelang. Shukor-lah kerana Allah s.w.t. melanjutkan usia awda sampai kapada bulan yang penoh rahmat ini. Dan dalam bershukor itu, akan bahagia-lah lagi hidup awda apabila dapat menyempurnakan titah perintah Allah dengan berpuasa.

Untok itu, pada waktu malam, sa-hingga sa-belum terbit fajar, awda perlu-lah berniat menunaikan puasa dengan **lafaz :**

نَوَيْتُ صَوْمَ غَدٍ عَنْ أَدَاءِ فَرْضِ
رَمَضَانَ هٰذِهِ السَّنَةِ لِلّٰهِ تَعَالَى.

Yakni : **"Sahaja aku puasa esok hari menunaikan fardhu Ramadhan tahun ini kerana Allah Ta'ala."**

Itu niat tiap2 malam bagi tiap2 kali puasa pada esok-nya. Mungkin awda akan terlupa berniat sedemikian pada sa-tiap malam. Maka bagi kemudahan awda, boleh-lah awda berniat sekali sahaja untok sa-lama puasa sa-bulan. **Lafaz-nya :**

نَوَيْتُ صَوْمَ غَدٍ عَنْ أَدَاءِ فَرْضِ رَمَضَانَ
هٰذِهِ السَّنَةِ كُلِّهِ لِلّٰهِ تَعَالَى.

Yakni : **"Sahaja aku puasa esok hari menunaikan fardhu Ramadhan tahun ini *seluroh-nya* kerana Allah Ta'ala."**

Lalu, dalam masa berpuasa itu awda perlu-lah mengawal diri daripada perkara yang boleh membatalkan puasa; atau pun yang boleh mengurangkan pahala yang sa-patut-nya awda perolehi daripada berpuasa itu. Sa-balek-nya, banyakkan-lah bersabar, elakkan-lah diri awda dan juga orang lain daripada perkara2 yang sia-sia.

Dan pastikan-lah bahawa sa-panjang bulan Ramadhan ini, siang dan malam-nya, awda akan beroleh pahala yang berlipat ganda dengan melakukan perkara2 yang berkebajikan samada sa-chara bersendirian atau pun berkumpolan. Maka banyakkan-lah zikir dan selawat; tertibkan-lah diri bersembahyang tarawih berjemaah pada waktu malam; murahkan-lah hati bersedekah; dan bacha-lah Al-Kor'an sa-banyak kali yang mungkin.

Dengan itu, awda di-harap akan menekmati lazat-nya amal ibadat sa-panjang bulan Ramadhan ini.

Dalam pada itu mungkin pula kerana sebab2 tertentu menurut hukum shara' awda tidak dapat berpuasa saperti orang lain. Walau bagaimana pun, perlu-lah juga awda memelihara maruah kemuliaan bulan Ramadhan ini dengan tidak mendedahkan yang diri awda itu tidak berpuasa. Dengan chara itu awda sa-benar-nya memelihara maruah diri awda selaku orang Islam.

# H.M. THE QUEEN SENDS GREETINGS

**THE following is the full text of the British High Commissioner, Mr Arthur Watson at the Lapau on Sunday July 15.**

Your Highness

It is my agreeable duty as Her Majesty The Queen's Representative in Brunei to convey the text of the telegram of greetings from Her Majesty to Your Highness on the occasion of Your Highness's Birthday. The text of Her Majesty's telegram reads :

**"It is with much pleasure that I send to Your Highness on the occasion of Your Birthday My sincere greetings and warm wishes for the prosperity and happiness of Your country. The signing in January 1979 of the Anglo-Brunei Treaty of Friendship and Cooperation has marked the close ties between Brunei and the United Kingdom.**

**Elizabeth Regina."**

In my capacity as High Commissioner for the United Kingdom it is also for me to express the good wishes of Her Majesty's Government in the United Kingdom to Your Highness personally, to Your Highness's Royal House and to the people of Brunei. With those good wishes I should like to associate the British community in Brunei, the staff of the British High Commission, my own family and myself.

I understand, Your Highness, that it has been the custom for British High Commissioner to add few words of their own at this ceremony to mark Your Highness's Birthday. I am happy to follow this custom by recalling the occasion for satisfaction with the state of relations between Your Highness's State of Brunei and the United Kingdom which I have observed since my arrival here towards the end of last year. I was privileged to attend the ceremonial signing of the Anglo-Brunei Treaty of Friendship and Cooperation by Your Highness and the then Minister of State, Lord Goronwy Roberts in the presence of His Royal Highness Prince Michael of Kent in January this year. On that occasion the Minister of State spoke about this happy and successful outcome as a new milestone in the relationship between Brunei and the United Kingdom. The Minister of State spoke also of his confidence that Brunei's immediate neighbours and its many other friends wished it well; and referred to the sincere support that Brunei will enjoy both regionally and internationally as it prepared to take its place as a fully independent nation in the Commonwealth of Nations. Lord Goronwy Roberts' confidence was quick by fulfilled in the many messages of congratulation on the signature of the Treaty which arrived from Malaysia, Singapore, Indonesia, Japan, Australia, New Zealand and Belgium. The friendliness of the messages was exemplified by the visit to Brunei, as the personal emissary of the Yang Dipertuan Agong of Malaysia, of Malaysia's Foreign Minister Tengku Rithaudeen.

This occasion gives me the opportunity to offer my own public felicitations on the marriage of Your Highness's sister and daughter of Your Highness's esteemed father His Highness the Seri Begawan Sultan. The ceremonies provided an opportunity for so many people in Brunei, both Your Highness's subject and those like myself resident here, to join with Your Highness's esteemed father, His Highness the Seri Begawan Sultan, the Royal Family and Your Highness's subjects in the joy of a splendid yet family occasion. I was delight, Your Highness that among the guests the Prime Minister of Singapore, Mr Lee Kuan Yew, and the Prime Minister of Malaysia, Datuk Hussein Onn, had demonstrated the value which they had attached to the invitation from Your Highness's esteemed father, His Highness the Seri Begawan Sultan, to set aside the heavy and pressing responsibilities and engagements of Statesmen in this modern world, to visit Brunei and join Your Highness's Family at this time. I believe indeed that it could be described as a historic occasion for Brunei, for two leading Commonwealth Prime Ministers together to attend the celebration of a Royal Brunei Wedding. Beyond that their presence serves, I believe as a personal and friendly gesture to Your Highness and Your Highness's esteemed father, His Highness the Seri Begawan Sultan, and as a testimony to the interest in and affection for Brunei among its friendly neighbours. At this time, Your Highness, it was a fitting reminder not only of the bonds of Commonwealth friendship but of the friendship which Brunei enjoys in the Association of South East Asian Nations, now emerging as an increasingly important voice in world affairs. Brunei, Your Highness, is to be congratulated on having the stability, cohesion and economic progress of her neighbours in ASEAN around her.

I should like to close by expressing my personal congratulations once more to Your Highness on the occasion of Your Highness's 33rd Birthday, and my thanks to Your Highness, to Your Highness's esteemed father, His Highness the Seri Begawan Sultan, and to the people of Brunei for the kindness and courtesy which my wife and I have received since arriving in Brunei and my gratitude also to all those in Your Highness's Government, Royal Brunei Malay Regiment and Royal Brunei Police Force for the many and various ways in which they have helped us.



**HIS Highness the Sultan Sir Muda Hassanal Bolkiah Muizzaddin Waddaulah last week bestowed honours and awards on three hundred and seventy people in conjunction with his thirty-third birthday.**

**The recepients comprised senior government officials, council members and members of the Royal Brunei Malay Regiment and Royal Brunei Police Force.**

**Heading the honours list this year was Dato T S Swan of the Royal Brunei Police Force, who received the Darjah Setia Negara Brunei Yang Amat Bahgia PSNB First Class.**

**Above photo shows His Highness the Sultan presenting the award to Dato T S Swan.**

## Thousands watch regatta, processions

BANDAR SERI BEGAWAN.—A day-long regatta was held at the Brunei river here last Monday as part of His Highness the Sultan's birthday celebrations in the Brunei Muara District.

His Hghness the Sultan, the British High Commissioner Mr Arthur Watson, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Sir Muda Omar Ali Saifuddin Saadul Khairi Waddin, other members of the royal family, the Mentri Besar Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara Laila Diraja Pengiran Abdul Momin, the State Secretary Pehin Orang Kaya Laila Wjiaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz and other dignitaries were among the thousands of people who watched the regatta.

Altogether there were thirteen events including a race for ten-man perahus which was won by the Seri Goddam, owned by Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan.

The High Commissioner, who together with the State Secretary skippered a fifteen-man perahu in the race for VIPs, presented the prizes at the end of the regatta.

In the afternoon of the same day another event in the celebrations programme was held here.

It was a floats procession led by lion dancers, stilt walkers and people in fancy dress.

The participants came back in the evening to join thousands of school-children, Government employees, villagers and representatives of youth and welfare organisations and the private sector in a bigger floats and lantern procession which started at the Jalan Ong Sum Ping Padang and ended at the padang here.

As in the past the streets were jammed with traffic as people practically from all over the State poured into the capital to watch one of the most popular and colourful events in the festivities.

Watching from the royal dais at the padang that evening were Their Highnesses the Sultan and the Raja Isteri, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan and other members of the royal family as well as state dignitaries.

## CELEBRATIONS START WITH PARADES

BANDAR SERI BEGAWAN — Traditional parades were held last week in Pekan Tutong, Bangar and Kuala Belait in honour of His Highness the Sultan's thirty-third birthday.

The parades also marked the start of week-long celebrations in the three districts—Tutong, Temburong and Belait.

The parades were followed by obeisance ceremonies during which the District Officers congratulated His Highness and pledged loyalty on behalf of the people of their respective districts.

The parades were attended by the British High Commissioners, Mr. Arthur Watson, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Sir Muda Omar Ali Saifuddin Saadul Khairi Waddin, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibol Himmah Wal Waqar Pengiran Muda Mohammed Bolkiah, other members of the royal family, state dignitaries, community leaders, senior government officials and invited guests.

## Another Brunei's first

BANDAR SERI BEGAWAN. — The first micro wave radio telephone service in Brunei officially came into use last Wednesday with the Belait District Officer making the first call to the State Secretariat here.

Dato Paduka Haji Abdullah bin Haji Mohammed Jaafar made the call from the home of the Ketua Kampong Sungai Teraban where the radio telephone had been installed.

Telecoms officials said it took about three weeks to install the service in the kampong at a cost of two hundred thousand dollars.

The service will cater for thirty subscribers in the area and two homes have already been equipped with it.

## New High Court judge for Brunei

BANDAR SERI BEGAWAN — His Highness the Sultan last week appointed Mr. Justice Patrick Trainor as the new High Court Judge of Brunei at a swearing in ceremony held at the Istana Darul Hana here.

The ceremony took place last Wednesday afternoon in the presence of the British High Commissioner Mr Arthur Watson, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibol Himmah Wal Waqar Pengiran Muda Mohammed Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Haji Sufri Bolkiah, the Yang Teramat Berhormat General Adviser to the Sultan, Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Awang Isa, the Mentri Besar Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara Laila Diraja Pengiran Abdul Momin and other state dignitaries, and senior officials from the Legal and Judiciary departments.

Mr Justice Trainor, who arrived in Brunei the Sunday before with his wife, will be here for another couple of weeks to deal with civil and appeal cases.



## Satellite to be opened on Sept 23

BANDAR SERI BEGAWAN. — Brunei's earth satellite station now under construction at Telisai is expected to be completed on September 4 and launched on September 23.

The station is scheduled to be officially opened by Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Sir Muda Omar Ali Saifuddin Saadul Khairi Waddin and to mark the occasion, a set of commemorative stamps will be issued on that day.

On completion, the multi-million dollar project will enable Brunei to have direct telephone circuits to Hong Kong, Singapore, Kuala Lumpur and Britain, and to receive television programmes.

Taking a look at the progress of the construction last Wednesday was Mr Arthur Watson who was accompanied by his wife and daughter, and who are seen in the picture with senior Telecoms officials.

المؤتمر الإسلامي الآسيوي الأول

**oleh2 dari PERSIDANGAN ISLAM ASIA YANG PERTAMA**

OLEH:



HJ.ABD AZIZ JUNED

# FREEMASONRY TIDAK TA'AT SETIA KAPADA ULUL-AMRI

## Siri ke-43

DALAM sumpah yang bernama *Royal Arch Chapter* ada di-sebut: ". . . this Supreme Degree, denominated the Holy Royal Arch of *Jurusalem,* to anyone in the world . . ." Chuba-lah kita perhatikan perkataan "Jurusalem" dalam sumpah ini, tentu-lah tidak kosong dari makna-nya bahawa Pertubohan Freemasonry itu mempunyai hubongan dengan nama tersebut. Tegas-nya kita tidak dapat lari dari hakikat, bahawa pertubohan ini ada hubongan-nya dengan gerakan Zionis Antarabangsa.

Melihat kapada tradisi yang di-pegang-nya, ia-itu merahasiakan segala kegiatan2-nya, maka ada-lah chara saperti itu tidak ada bedza-nya dengan chara orang2 Yahudi bergerak melalui gerakan2 Zionis mereka, yang sa-makin hari sa-makin lichin dan terator untok menguasai dunia ini. Tempat yang mula2 menjadi sasaran ia-lah Eropah dan Amerika. Mereka telah mengadakan sidang2 rahasia dalam tahun2 1897 dan 1905 Masehi (lihat Majalah Dakwah keluaran Rabi'ul Akhir 1397 bersamaan April 1977, Bil: 2 Jilid 1).

Mereka mempunyai *Protokol2* (naskah permulaan untok perjanjian atau peranchangan2 politik), yang tidak di-ketahui oleh orang lain melainkan hanya oleh orang2 Yahudi sahaja. Dan orang bukan Yahudi, hanya mendapat tahu tentang Protokol2 Zionis itu, ia-lah apabila sa-chara kebetulan naskah tersebut dapat di-churi oleh sa-orang perempuan dari simpanan sa-orang ahli Freemason yang berpengaroh di-Peranchis, dan akhir-nya naskah tersebut jatoh pula ka-tangan sa-orang Padri Nasrani di-sa-buah Gereja Orthodox di-Russia, yang bernama *Professor Sengyei A. Nilus.* Orang ini-lah yang mula2 sekali membukakan rahasia Yahudi yang merenchanakan Protokol2 tersebut dalam tahun 1905.

Dalam bulan Januari 1970, *Umma Publishing House, Kerachi* telah menerbitkan bagi Muktamar Al-'Alam Al-Islami, buku yang berjudol *PROTOCOLS OF THE MEETINGS OF THE ELDERS OF ZION.* Buku ini berukoran 5" x 7" dan mengandongi sa-banyak 152 muka surat tentang 24 macham Protokol, yang masing2 di-susun dari Protokol No. 1 hingga No. 24.

Saya tidak-lah berhajat memperkatakan buku ini, chuma ada beberapa bahagian yang akan saya petik nanti di-akhir tulisan saya.

* * *

PERTUBOHAN FREEMASONRY TIDAK PERNAH DI-DAFTARKAN ?

Apa-kah sebab-nya Pertubohan Fremasonry begitu di-rahasiakan! Jika benar-lah ia sa-buah Pertubohan Kebajikan sa-bagaimana yang di-dakwakan, maka apa perlu-nya kegiatan2-nya di-rahasiakan kapada orang ramai ? Apa guna-nya di-chipta *sumpah2* yang berisi amaran dan anchaman untok menakut-nakutkan ahli supaya tidak akan membochorkan rahasia pertubohan itu? Kenapa ia tidak pernah di-sebut2 dalam sa-barang penerbitan ? Dan bahkan tidak pernah di-daftarkan kapada pehak pendaftar pertubohan2 di-dalam negeri2 berkenaan, tahu2 ia mempunyai ahli2 dan lodge2 tempat upa-chara2 mereka di-adakan.



اخبار العالم الاسلامي ★ العدد ٥٥٨ — ص ٨ ★ الاثنين ١٦ المحرم ١٣٩٨ هـ

الماسونية.. ماهي حقيقتها

أسرارها — أهدافها — أساليبها

وثيقة تدمغ تحالف الماسونية والقاديانية والتبشير

الحلقة الأولى

RENCHANA yang di-siarkan oleh Akhbar Al-'Alam Al-Islami yang membuka rahasia Freemasonry.

Dan mengenai *Lodge* ini, Warta Jabatan Ugama Johor keluaran Rabi'ul Awal 1397 bersamaan Mach 1977, Bil: 282 ada menerangkan demikian: "Di-mana2 bandar besar di-Malaysia biasa-nya ada bangunan sa-bagai lodge pertubohan ini. Demikian juga di-negeri2 lain di-bawah jajahan Inggeris, Peranchis, Belanda, Portugis begitu juga di-negara2 Eropah, Asia Barat (negara2 Arab), Amerika dan Afrika dan di-mana2 sahaja pertubohan ini biasa-nya ada. Tetapi kerana pertubohan ini rahasia, bahkan rahasia dalam rahasia, orang yang tidak tahu, akhir-nya mereka gelarkan (lodge itu—*Penulis*) dengan KELAB HANTU, RUMAH HANTU sahaja, walau pun sekali sa-kala kita pernah melihat Kelab Hantu itu di-penohi halaman-nya dengan motokar2 besar entah siapa tuan-nya."



MUSTAFA Kamal Ataturk, Pengasas Turki Moden.

Menurut akhbar Utusan Malaysia keluaran 20hb April, 1977, Freemasonry di-dalam negeri2 Islam ada-lah berindokkan Freemasonry di-Eropah, saperti di-Peranchis, Great Britain dan lain2. Sementara menurut Pendaftar Pertubohan2 Malaysia yang di-petik oleh akhbar ini dan juga akhbar Utusan Melayu keluaran yang sama (pada 20hb April, 1977), bahawa Freemasonry Malaysia sudah wujud semenjak zaman penjajahan lagi. *Lodge*-nya ada-lah berindokkan *Grand Lodge of England,* dan mempunyai perlembagaan mengikut negara2 dalam Great Britain, ia-itu England, Scotland dan Ireland. Ketiga-tiga lodge di-Malaysia mempunyai ahli yang di-taksirkan berjumlah 2,984 orang. Sa-jumlah 1,554 orang dalam 34 chawangan dalam *District Grand Lodge of the Eastern Archipelago,* 1,341 orang dalam 14 chawangan *District Grand Lodge of the Middle East* dan 99 ahli dalam *Lodge Emereld.* Apabila di-kaitkan pertubohan mereka dengan Yahudi Antarabangsa dan Zionism serta aktibiti2 *clandestine,* maka Freemasonry Malaysia chuba melepaskan diri mereka dengan mengatakan, bahawa mereka ada-lah "tersendiri", yakni tidak ada kena mengena dengan Freemasons di-luar negeri, semua ahli2-nya perchaya kapada Tuhan serta memberikan ta'at setia yang tidak berbelah bahagi kapada raja, undang2 dan negara, tidak menchampori soal2 politik dan lain2 lagi.

Demikian menurut dua akhbar terkemuka di-Malaysia.

APA BOKTI-NYA ?

Tetapi apa-kah benar Freemasonry mempunyai konsep "TA'AT SETIA" yang demikian itu ? Kalau benar, apa bokti-nya ?

Baik, mari kita chari. Kita perhatikan *lafadz2 ikrar atau sumpah Freemason,* ADA ATAU TIDAK DI-SEBUTKAN KEWAJIPAN MENTA'ATI ULUL-AMRI, RAJA, PEMERENTAHAN ATAU KERAJAAN, SHARI'AT ATAU HUKUM ATAU UNDANG2, SERTA TIDAK MENCHAMPORI SOAL2 POLITIK ? Jawab-nya *tidak terdapat janji atau ikrar yang sa-demikian itu.* Bahkan sa-balek-nya, oleh sejarah telah di-boktikan bahawa Pertubohan Freemasonry itu telah di-sebut2 sa-bagai bertang-

Lihat muka 17

# BARISAN MAKMUM DALAM SEMBAHYANG JEMAAH PERLU DI-BETULKAN




SHARI'AT Islam telah membawa peratoran2 bagi kepentingan manusia pada perkara2 ibadat, mu'amalat, adab, perangai dan lain2 lagi, supaya tiap2 orang dapat hidup sa-chara terator, bertata-tertib, penoh ikatan dan muhibbah, mesra dan kokoh persatuan serta di-pandang mulia dan tinggi oleh umat yang lain.

Shari'at Islam meletakkan peraturan2 itu ada dengan ketetapan2 waktu-nya, saperti waktu sembahyang, waktu yang wajib, afdhal dan sunnat, makroh dan lain2. Demikian juga peraturan waktu mengerjakan sembahyang berjemaah, sembahyang Jumaat sa-minggu sa-kali, waktu mengeluarkan zakat harta, zakat fitrah, waktu haji dan lain2 lagi.

Dalam khutbah kali ini, suka kita mengulangi berkenaan dengan peratoran "barisan makmum" waktu mengerjakan sembahyang berjemaah. Banyak orang maseh tidak berapa hiraukan peraturan membetulkan barisan saf dalam sembahyang berjemaah itu.

Pada hal Rasulullah ada bersabda yang bererti: *"Betulkan-lah barisan saf kamu, sa-sunggoh-nya membetulkan barisan saf itu sa-bahagian daripada kesempurnaan mendirikan sembahyang"*.

Sabda Baginda lagi yang bererti: *"Hendak-lah betulkan barisan saf2 kamu, atau demi sa-sunggoh-nya Allah akan menyelesihkan muka2 kamu"*.

Maksud hadith ini, manakala manusia chuai dengan barisan saf2 dalam sembahyang, jadi-lah sembahyang itu mungkin tiada betul dan berdosa. Dan sa-bagai balasan-nya di-atas dunia ini, maka jadi-lah kapada orang2 yang menchuaikan peraturan barisan saf itu perselesihan dan perbantahan di-antara satu sama yang lain, menjadikan mereka tiada mahu berhadapan muka kerana hati tidak berseh dan juga berselesih faham atau pendapat.

Demikian-lah, bukan tidak ada di-sa-tengah2 masjid itu, jemaah-nya amat kurang memerhatikan atau mengambil berat tentang membetulkan barisan saf itu. Sebab itu kadang2 kita mendapati ada saf2 yang berkeadaan bengkang bengkok, terlampau renggang, barisan hadapan-nya kosong dan lain2 lagi. Sebab itu kesan-nya dapat di-rasakan hari ini, di-mana dalam masharakat berlaku dengan luas-nya perpechahan atau sa-kurang-nya perselesihan yang tidak di-ingini.

Umpama-nya di-antara anak dan bapa sudah tidak ganjil lagi, saudara dengan saudara, suami dengan isteri, ikatan keluarga semakin renggang dan yang lebeh burok lagi perpechahan dan pertelingkahan dalam masharakat sedang mengambil tempat-nya yang istimewa. Semua ini berlaku, jika kita perhatikan maksud hadith di-atas, ada-lah berpuncha salah satu-nya kelemahan kita mematohi peratoran2 membetulkan barisan saf dalam sembahyang.

Maka jika demikian ada-lah penting peratoran membetulkan barisan saf itu di-ambil berat, jangan di-chuaikan. Tiap2 makmum hendak-lah berkerjasama di-antara satu sama lain untok membetulkan barisan saf. Tiap2 yang renggang hendak-lah di-masoki oleh makmum yang di-belakang umpamanya, jangan sampai terbiar kosong. Dengan demikian, mudah2an kita semua akan dapat menyempurnakan sembahyang kita dengan sa-baik2-nya dan juga akan terhindar dari perkara2 yang menyebabkan kita berselesih antara satu dengan yang lain.

# Bingkisan minggu ini

# MENCHARI KEJAYAAN DUNIAWI JANGAN SAMPAI DI-BUAI KEBENDAAN

HARTA benda wang ringgit ada-lah tiang kehidupan dunia. Ia juga di-sebut sa-bagai perhiasan duniawi. Oleh sebab itu-lah sa-tengah2 orang menganggap tanpa-nya orang tidak akan dapat memenohi keperluan-nya, tidak akan terchapai segala maksud-nya dan tidak akan terpelihara kemuliaan, ketinggian dan kehormatan-nya.

Memperkatakan tentang menchari kekayaan dan kesenangan hidup di-dunia ini, Ugama Islam tidak pernah melarang kita dari berbuat demikian, malahan jika kita boleh dan mampu menjadi orang yang bahagia dan kaya raya dari sumber2 yang halal dan di-haruskan, ini akan lebeh baik dan akan menjadikan Islam lebeh di-pandang mulia di-mata dunia.

Adapun pokok pangkal kita menchari kekayaan duniawi ini ia-lah dengan usaha dan ikhtiar. Kita berusaha mengikut kemampuan masing2, asalkan yang kita lakukan itu halal, di-haruskan dan tidak pula melanggar perinsip kemanusiaan. Jua, dalam masa menchari dan mengumpol kekayaan duniawi ini kita menggunakan chara kita yang tersendiri; ada yang berkhidmat dengan kerajaan, dengan pehak swasta, ataupun kita tidak terikat langsong dengan sa-siapa pun, ia-itu dengan chara bekerja sendiri. Ini-lah yang di-katakan usaha dan ikhtiar untok mendapatkan kekayaan di-dunia. Untok ini kita renongkan firman Allah s.w.t. dalam surah Al-Isra' potongan ayat 29 yang bermaksud: *"Dan jangan kamu jadikan tangan mu terbelenggu pada leher mu"*. Ini-lah satu bokti yang menunjokkan betapa penting-nya usaha dan ikhtiar itu yang bukan saja terbatas pada satu2 perkara malahan di-lakukan untok apa jua dan di-mana saja.

Sa-telah kita menanamkan daya usaha dan ikhtiar, maka sa-lepas itu terpaksa pula kita berhati-hati untok menghadapi-nya. Sa-bagaimana yang telah di-maklumi, menchari dan mengumpol kekayaan duniawi bukan-lah suatu pekerjaan yang mudah, ia ada-lah suatu pekerjaan yang menchabar. Silap2 sedikit kita akan menjadi ashek dan lepas itu pula akan mengabui mata kita sendiri sahinggakan lupa pada segala2-nya. Jua tidak mustahil kita akan menyakiti hati orang lain sa-telah sikap rakus dapat mempengarohi jiwa. Maka dengan itu pula akan timbul sikap ingin memerah keringat orang lain. Begitu-lah antara banyak2 chabaran yang harus untok di-tempohi dalam masa menchari dan mengumpol kekayaan duniawi.

Bagi orang2 yang mempunyai keimanan yang kukoh segala chabaran2 tersebut akan dapat di-atasi dengan begitu mudah saja. Tapi apa hal-nya kalau sa-balek-nya? Tentu-lah serba sedikit ia akan dapat di-akui oleh apa2 yang di-chari-nya sa-lama ini. Chuba kita bayangkan, apakah suatu perbuatan yang elok di-pandang mata jika si-suami mithal-nya 'malar' keluar rumah untok menchari rezeki sa-hinggakan lupa pada anak isteri? Tentu-lah serba sedikit akan menggonchangkan ketenteraman rumah-tangga.

Dalam mithalan yang lain, apa-kah suatu perkara yang manis di-pandang mata jika ketika azan berkumandang kita maseh lagi sebok dengan urusan perniagaan kita yang terdedah pada pandangan umom? Ataupun kita menyengajakan memulakan langkah menchari kekayaan duniawi ketika azan berkumandang? Tentu-lah suatu perkara yang tidak manis di-pandang mata, apa tah lagi jika di-ketika itu di-perhatikan pula oleh orang2 yang bukan berugama Islam. Dan dengan itu mungkin ia akan merata-ratakan dan membuat ristaan yang tiada baik.

Sa-patut-nya kita mestilah menyegerakan dulu panggilan bersembahyang itu, kemudian baru-lah kita memulakan ataupun meneruskan usaha kita itu. Kita tidak akan kerugian berpuloh-puloh ringgit sa-bagaimana sa-tengah2 dakwaan, jika kita menyahut seruan sembahyang itu. Malah kita akan mendapat keuntongan yang berlipat ganda tanpa kita sedari disamping pahala amalan bersembahyang.

## Peraduan Zikir dan Berzanji sempena Keputeraan D.Y.M.M.

BANDAR SERI BEGAWAN. — Peraduan Zikir dan Berzanji sempena Sambutan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei kali yang ke-33 tahun telah di-adakan di-Bilek Dewan Bahasa dan Pustaka pada malam Jumaat yang baru lalu.

Peraduan kali kedua yang di-anjorkan oleh Kelas Zikir Dewan Bahasa dan Pustaka itu telah di-rasmikan oleh Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, Awg Mahmud bin Haji Bakyr. Peraduan tersebut telah disertai oleh sa-ramai 10 buah pasokan termasok empat buah pasokan perempuan dalam bahagian zikir dan empat orang peserta pula bertanding dalam bahagian Berzanji.

Dalam bahagian zikir lelaki johan telah di-sandang oleh Pejabat Perubatan dan Kesihatan, kedua di-menangi oleh Persatuan Kebajikan Penuntut Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan dan tempat ketiga jatoh kapada Kelas Dewasa Kor'an Jabatan Laut, Pengkalan Muara.

Sementara dalam bahagian Zikir perempuan tempat pertama telah di-menangi oleh Kelas Dewasa Zikir dan Ugama Pertiwi, kedua Persatuan Kebajikan Penuntut Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan dan tempat ketiga di-menangi oleh Pusat Tingkatan Enam Jalan Gadong.

Dalam bahagian Berzanji pula tempat pertama telah di-menangi oleh Dayang Aisah bte Mustapha, kedua Dayang Asmah bte Paidi sementara tempat ketiga telah di-menangi oleh Dayang Azizah bte Haji Mohd Salleh.

Hadiah terbaik bagi keselurohan peraduan telah di-menangi oleh Pasokan Pejabat Perubatan dan Kesihatan.

Hadiah2 kapada pemenang2 telah di-sampaikan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Amar Diraja Dato Seri Utama (Dr) Haji Awang Mohd Jamil Al-Sufri.



Johan zikir bahagian perempuan di-sandang pula oleh Kelas Dewasa Zikir dan Ugama Pertiwi (gambar DBP).



PEJABAT Perubatan dan Kesihatan yang menjadi johan zikir bahagian lelaki bergambar dengan piala kemenangan mereka (gambar DBP).

## Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah Brunei-Muara, Tutong dan Temburong mulai dari hari Rabu 25hb Julai, 1979 hingga kahari Selasa 31hb Julai, 1979 ada-lah saperti di-bawah ini: —

| Hari Bulan | Dzuhor | Asar | Magrib | Isha | Imsak | Suboh | Matahari Terbit |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 25hb Julai | 12.32 | 3.50 | 6.42 | 7.53 | 4.42 | 4.57 | 6.15 |
| 26hb Julai | 12.32 | 3.49 | 6.42 | 7.53 | 4.43 | 4.58 | 6.16 |
| 27hb Julai | 12.32 | 3.49 | 6.42 | 7.53 | 4.43 | 4.58 | 6.16 |
| 28hb Julai | 12.32 | 3.49 | 6.42 | 7.53 | 4.43 | 4.58 | 6.16 |
| 29hb Julai | 12.32 | 3.49 | 6.42 | 7.53 | 4.43 | 4.58 | 6.16 |
| 30hb Julai | 12.32 | 3.49 | 6.42 | 7.53 | 4.43 | 4.58 | 6.16 |
| 31hb Julai | 12.32 | 3.49 | 6.42 | 7.53 | 4.43 | 4.58 | 6.16 |

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluroh Negeri Brunei di-mulai pada pukol 12.45 tengah hari.

# "SERI GUDDAM" JADI JUARA SEKALI LAGI

BANDAR SERI BEGAWAN.— Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei telah berangkat menyaksikan temasha lumba perahu dan motosangkut yang telah di-adakan di-Sungai Brunei pada hari Isnin minggu lalu. Temasha sa-hari suntok itu ada-lah merupakan salah satu perayaan sempena Hari Keputeraan Baginda yang ke-33 tahun.

Turut menyaksikan temasha itu ia-lah TYT Pesurohjaya Tinggi British di-Brunei, Awang Arthur Watson; DYTM Paduka Seri Begawan Sultan; YTM Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibol Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohammad Bolkiah, lain2 Kerabat Diraja; Yang Amat Berhormat Menteri Besar; Yang Berhormat Setia Usaha Kerajaan dan lain2 pembesar2 negara.

Perahu 'Seri Guddam' yang di-punyai oleh DYTM Paduka Seri Begawan Sultan telah munchol sa-bagai juara keselurohan perlumbaan.

'Seri Guddam' yang memunggut 18 mata kemenangan telah berjaya mendapat tempat pertama dalam achara 10 orang pekayoh dan achara terbuka bagi 15 orang pekayoh antara Jabatan2 yang beruniform; mendapat tempat kedua dalam achara terbuka 15 orang pekayoh antara Jabatan2 Kerajaan dan ketiga dalam achara terbuka 15 orang pekayoh.

Tempat kedua telah di-menangi oleh perahu 'Lanchang Kuning' yang di-punyai oleh Haji Laidin dengan anak2 buah-nya dengan mendapat 13 mata dan tempat ketiga di-menangi bersama oleh perahu 'Kuda Terbang' yang juga di-punyai oleh Haji Laidin dan perahu 'Anak Siarau' yang di-punyai oleh Pateh Haji Masri dengan masing2 mendapat 12 mata.

'Bulan Purnama' yang di-kayohkan oleh Pehin-Pehin Timang-Timangan Begawan di-Jabatan Hal Ehwal Ugama dan Pegawai2 Ugama telah berjaya memenangi tempat pertama dalam achara perlumbaan 15 orang pekayoh antara pasokan2 Pehin2 Timang-Timangan Begawan di-Jabatan Hal Ehwal Ugama dan Pegawai2 Hal Ehwal Ugama; TYT Pesurohjaya Tinggi British, YTM Wazir2 dan Cheteria2, YAM Pengiran Speaker dan Ahli2 Yang Berhormat; Ketua2 Jabatan, Pehin2 Manteri Berchiri; Pegawai2 Daerah dan Penghulu2 dan Ketua2 Kampong dan Manteri2 Bertauliah dan Manteri2 Pendalaman buat kali ke-empat tahun berturut-turut. Perahu 'Bulan Purnama' memenangi perlumbaan itu sejak tahun 1976.

Perahu 'Seri Wijaya' yang di-punyai oleh Y.B. Setia Usaha Kerajaan, Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz telah memenangi perlumbaan 30 orang pekayoh; tempat kedua 'Tembuakar' dari Jabatan Kerahantenaga Awam Battalion Kedua dan tempat ketiga di-menangi oleh 'Seri Pahlawan'. 'Seri Wijaya' di-kayohkan oleh anggota Pasokan Bomba.

Dalam achara perlumbaan motosangkut yang bertenaga 45 kuasa kuda, L444 yang di-punyai oleh Haji Mastan bin Metussin telah munchol sa-bagai johan; tempat kedua James I kepunyaan Y.B. Setia Usaha Kerajaan dan Tumi 123 kepunyai Haji Aliuddin bin Haji Ibrahim mendapat tempat ketiga.

Hadiah2 kapada pemenang2 dalam temasha lumba perahu itu telah di-sampaikan oleh TYT Pesurohjaya Tinggi Brunei, Awang Arthur Watson.





GAMBAR atas kelihatan YB. Pehin Orang Kaya Laila Wijaya bergambar ramai bersama2 pekayoh2 dan piala yang di-menangi dalam perlumbaan perahu tahun ini sementara gambar bawah pula kelihatan Yang Berhormat menerima piala yang di-sampaikan oleh TYT Pesurohjaya Tinggi British, Awang Arthur Watson.

## Pemereksaan ka-atas alat Sukatan dan Timbangan

BANDAR SERI BEGAWAN.—Kaki-tangan Bahagian Sukatan dan Timbangan akan memulakan pepereksaan tahunan ka-atas alat2 sukatan dan timbangan bagi tahun ini.

Pemereksaan ka-atas alat2 sukatan dan timbangan di-Daerah2 Brunei-Muara, Tutong dan Belait akan di-jalankan antara 1hb September dan 31hb Disember, 1979 sementara pemereksaan bagi alat2 sukatan dan timbangan di-Daerah Temburong akan di-jalankan dari 1hb Oktober hingga 1hb Nobember.

Pemereksaan ka-atas alat2 sukatan dan timbangan di-Daerah Brunei-Muara akan di-jalankan di-Pejabat Bahagian Sukatan dan Timbangan di-Jalan Istana Darussalam; di-Daerah Tutong di-Rumah Kerajaan No. 10 PWD/5 Bukit Bendera, di-Daerah Temburong di-Rumah Kerajaan Class 'C' No. 1, Bangar dan di-Daerah Belait di-Bekas Rumah Sakit Lama Kuala Belait.

## *DYMM berangkat menyaksikan Perarakan Tanglong*

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei dan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Saleha serta putera dan puteri2 Baginda telah berangkat berchemar-duli bagi menyaksikan Perarakan Tanglong Berjalan Kaki, Kereta dan Basikal Berhias.

Baginda menyaksikan perarakan tersebut dari atas pentas Diraja bersama2 dengan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Sir Muda Omar Ali Saifuddin Saadul Khairi Waddin, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibol Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohammad Bolkiah dan Pengiran Anak Isteri, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah dan Pengiran Anak Isteri, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda Jefri Bolkiah dan Pengiran Anak Isteri serta kerabat2 Diraja.

Perarakan pada malam itu ada-lah sa-bagai sebahagian Sambutan Perayaan Hari Puja Usia Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Sir Muda Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei kali ke-33 tahun.

Perarakan yang bermula dari Padang Ong Sum Ping itu telah di-sertai oleh saramai 66 buah pasokan Perarakan Tanglong Berjalan Kaki, Kereta dan Basikal Berhias yang mewakili Sekolah2 rendah, menengah dan maktab2, Kampong2, pejabat2 kerajaan, persatuan2 Belia dan Kebajikan serta pertubohan2 awam yang lain.

Lihat muka 9





KERETA Berhias yang di-persembahkan oleh Jabatan Lembaga Bandaran Bandar Seri Begawan yang memenangi tempat pertama dalam perarakan siang dan malam (atas) dan gambar kiri pula kelihatan kepala perarakan tanglong Sekolah Tinggi Perempuan Raja Isteri.

# RANCHANGAN TV MINGGU INI

**Pehak Radio Talivishen Brunei berhak untok menukar mana2 jua ranchangan yang di-fikirkan perlu tanpa memberi tahu terlebeh dahulu.**

## RABU — 25HB JULAI,

PETANG

5.10 PEMBUKAAN
5.46 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
5.58 SUSUNAN RANCHANGAN
6.00 RENGKASAN BERITA
6.02 STAR TREK — "Elaan of Troyius"
Kaptan Kirk bersua dengan Elaan, dari planet Elas. Kirk telah menjadi mangsa dan jatoh chinta di-sebabkan oleh ayer mata-nya. Spock gagal untok menchari penawar guna untok memusnahkan kimia yang terkandong dalam ayer mata-nya itu.
6.42 AZAN MAGHRIB
6.46 STAR TREK — sambongan
6.55 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS

MALAM

7.10 BEWITCHED — "Samantha's Wedding Present"
Yang pertama dari siri baru. Darrin merasa kechut sa-telah berseliseh faham dengan Endora.
7.40 AGAINST THE WIND — "The Farmer's Friend"
Kuasa ahli2 tentera di-New South Wales telah meningkat ka-paras yang tinggi. Greville, sekarang telah menjadi tuan punya tanah yang berkuasa, bersedia untok mengusir Mary dan Jonathan dari tanah mereka.
7.57 AGAINST THE WIND — sambongan
8.30 WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU
*8.45 PERUTUSAN AWAL RAMADHAN
9.00 MAJALLAH BRUNEI
9.20 SHOW OF THE WEEK: Celebrity Concert
Minggu ini Nana Mouskouri akan menghiborkan kita dengan persembahan2-nya.
10.10 WIMBLEDON TENNIS 1979
10.45 SIARAN TAMAT.

*Tertaalok kapada perubahan

## KHAMIS — 26HB JULAI,

PETANG

*5.20 PEMBUKAAN
5.21 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
5.33 SUSUNAN RANCHANGAN
5.35 RENGKASAN BERITA
5.37 BIG BLUE MARBLE
6.05 DR WHO — "The Android Invasion" — Bahagian ke-empat.
Ranchangan terakhir dari siri pengembaraan ini dengan pelakun utama-nya Tom Baker sa-bagai Doktor Who.
*6.17 MENJELANG SUNGKAI
6.42 AZAN MAGHRIB
6.46 SELINGAN
6.55 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS

MALAM

7.10 HIDAYAT
7.40 LOU GRANT — "Takeover"
7.53 AZAN ISHA
7.57 LOU GRANT — sambongan
8.30 WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU
8.45 DOKUMENTARI MELAYU: "Struggle for Survival"
9.15 TAYANGAN FILEM MELAYU
11.15 SIARAN TAMAT.

* Tertaalok kapada perubahan

## JUMAAT — 27HB JULAI,

PETANG

4.40 PEMBUKAAN
4.51 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
5.03 SUSUNAN RANCHANGAN
5.05 KORG 70,000 BC — "Hill People"
Perbalahan di-antara Bok dan sa-orang suku bangsa dari bukit hampir2 mengakibatkan kedua2 bangsa ini untok berperang.
5.35 RENGKASAN BERITA
5.37 THE OWL SERVICE
6.05 HUNTER'S GOLD — Episod ketujoh



NANA Mouskouri, bintang yang akan menyerikan SHOW OF THE WEEK malam ini. Di-antara lagu2 kegemaran ramai yang akan dapat di-ikuti nanti ia-lah "Bridge Over Troubled Water" dan "Scarborough Fair".

6.17 MENJELANG SUNGKAI
6.42 AZAN MAGHRIB
6.46 SELINGAN
6.55 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS

MALAM

7.10 MORK AND MINDY — "In Mork We Trust"
Jiran Mindy, Bickley, menchuri mesin umor 'Orkan' kepunyaan Mork kerana salah faham dengan menganggapnya sa-bagai sa-buah alat pengira dan di-sedari kejadian ini telah menyebabkan Mork bertukar umor buat beberapa kali.
7.40 THE GENERATION GAME
7.53 AZAN ISHA
7.57 THE GENERATION GAME — sambongan
8.30 WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU
8.45 THE DAVID NIXON MAGIC SHOW
9.30 SWORD OF JUSTICE — "The Destructors"
10.20 WIMBLEDON TENNIS 1979
11.30 SIARAN TAMAT.

## SABTU — 28HB JULAI,

PETANG

4.40 PEMBUKAAN
4.51 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
5.03 SUSUNAN RANCHANGAN
5.05 KUM KUM —
Siri baru untok kanak2 yang mengesahkan tentang pengembaraan Kum Kum sa-orang budak lelaki berusia lima tahun bersama keluarga teman2 dan binatang2 peliharaan-nya.
5.35 RENGKASAN BERITA
5.37 SESAME STREET
6.17 MENJELANG SUNGKAI
6.42 AZAN MAGHRIB
6.46 SELINGAN
6.55 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS

MALAM

7.10 POTRET PENYANYI
7.40 DALLAS — "John Ewings III — Bahagian kedua"
Ranchangan terakhir dari siri Dallas.
7.53 AZAN ISHA
7.57 DALLAS — sambongan
8.30 WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU
8.45 MAJALLAH BRUNEI
9.05 STARSKY AND HUTCH
9.55 S.A.F. Cup Final
10.55 TAYANGAN MALAM MINGGU — "Redline 7000"
Sa-buah filem yang menggambarkan kehidupan yang menarek dan penoh bahaya yang di-alami oleh peserta2 lumba kereta.
11.15 SIARAN TAMAT.

## AHAD — 29HB JULAI,

PETANG

4.40 PEMBUKAAN
4.51 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
5.03 SUSUNAN RANCHANGAN
5.05 CHOMAT DAN CHOMEL — "Hari Raya Puasa"
5.20 OSCAR THE RABBIT IN RUBBIDGE — "Gnashers Birthdays"
Gnashers sekarang sudah berusia 180 juta tahun.
5.35 RENGKASAN BERITA
5.37 CAPTAIN CAVEMAN AND MYSTERY ISLAND
6.05 SCIENCE INTERNATIONAL
6.17 MENJELANG SUNGKAI
6.42 AZAN MAGHRIB
6.46 SELINGAN
6.55 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS

MALAM

7.10 WKRP IN CINCINNATI
7.40 THE INCREDIBLE HULK — "Escape from Los Santos"
Yang pertama dari siri baru dengan Bill Bixby sa-bagai pelakun utamanya.
7.53 AZAN ISHA
7.57 THE INCREDIBLE HULK — sambongan
8.30 WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU
8.45 DRAMA
9.30 EDWARD AND MRS SIMPSON — Bahagian kedua "Venus at the Prow"
10.20 HOLLYWOOD SPECIAL — "Violent Men of the Movies"
Perbinchangan tentang kekerasan bersama John Wayne, Kirk Douglas, Charles Bronson dan Clint Eastwood.
10.50 SIARAN TAMAT.

## ISNIN — 30HB JULAI,

PETANG

5.20 PEMBUKAAN
5.21 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
5.33 SUSUNAN RANCHANGAN
5.35 RENGKASAN BERITA
5.37 LITTLE HOUSE ON THE PRAIRE — "Men Will Be Boys"
Charles Ingalls dan Jonathan Garvey mempelajari sa-suatu yang memalukan bila mereka membuat ranchangan untok memperbodoh2kan anak lelaki mereka.
6.17 MENJELANG SUNGKAI
6.42 AZAN MAGHRIB
6.46 SELINGAN
6.55 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS

MALAM

7.10 POT BLACK
7.40 ROOTS: The Next Generations
7.53 AZAN ISHA
7.57 ROOTS: The Next Generations — sambongan
8.30 WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU
8.45 MAJALLAH BRUNEI
9.05 VEGAS — 'The Games Girls Play'
Sa-orang Senator yang di-hormati, William Mitchell, berada dalam kesusahan bila dia di-gambar dengan satu pos yang di-ranchang bersama dua orang wanita.
9.55 BLACK SHEEP SQUADRON — "Ten'll Get you Five"
10.45 SIARAN TAMAT.

## SELASA — 31HB JULAI,

PETANG

5.20 PEMBUKAAN
5.21 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
5.33 SUSUNAN RANCHANGAN
5.35 RENGKASAN BERITA
5.37 DICK TURPIN
6.05 BATTLE OF THE PLANETS — "The Space Mummy"
6.17 MENJELANG SUNGKAI
6.42 AZAN MAGHRIB
6.46 SELINGAN
6.55 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS

MALAM

7.10 MUDA BELIA
7.40 FLYING HIGH — "Swan Song For An Ugly Duckling"
Marcy dan Lisa berusaha untok menemukan kembali Billy-Bob dengan Essie Mae Hooper, pasangan yang sudah berkahwin tapi tidak berbahagia siapa yang juga bekas teman sekolah Marcy di-Sweetwater, Texas.
7.53 AZAN ISHA
7.57 FLYING HIGH — sambongan
8.30 WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU
8.45 TUKAR ANGIN DI-HONGKONG (siaran ulangan)
9.25 DOCUMENTARY — The Human Body: "The Red River of Blood"
Penyelidekan dan pertunjokkan mengenai perkembangan2 yang sentiasa berjalan dalam otak manusia dan juga tugas2-nya.
10.15 KOJAK — "Where do you go when you have no place to go?"
11.05 SIARAN TAMAT.



BEWITCHED yang popular di-kalangan penunton tempatan akan di-tayangkan sekali lagi mulai malam ini jam 7.10. Dalam episod malam ini, "Samantha's Wedding Present", Darrin sekali lagi menemui masaalah yang besar.

Ketika menghadiahkan Samantha dengan hadiah hari perkahwinan mereka yang lalu, Endora berchadang untok berbaik2 dengan Darrin. Bagaimana pun, dia meradang bila Darrin melarang-nya untok menggunakan ilmu-sihir-nya di-kawasan rumah mereka. Darrin menolak permintaan-nya untok memohon maaf dan Endora juga melepaskan marah-nya, lalu memberi anchaman. Ke-esokan hari-nya di-pejabat, Darrin mula sejok hati-nya dan bergegas2 untok pulang ka-rumah sementara dia maseh berupaya untok menchapai kereta-nya!

Gambar atas: Agnes Moorehead sa-bagai Endora, ibu kapada Samantha dan sa-orang ahli sihir dalam 'BEWITCHED'.



# intisari RTB minggu ini

AWANG Janin Erih, a lecturer from Sixth Form Centre (below) is our guest in this week's edition of Brunei Graduates. The programme will be broadcast on Thursday 26th July at 12.45 p.m. and will be repeated on Sunday 29th July at 8.00 p.m.



BERIBU2 orang raayat dan pendudok negeri ini telah membanjiri di-sepanjang jalan di-ibu negeri untok menyaksikan perarakan Pengantin Diraja, YTM Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Amal Nasibah dan Yang Mulia Pengiran Anak Kamarulzaman pada hari Khamis lalu.

Bagi mereka yang tidak berkesempatan menyaksikan perarakan itu sa-chara dekat, Radio Brunei Bahagian Melayu telah membuat liputan perarakan itu sa-chara langsong melalui Radio Brunei pada hari itu.

Gambar atas kelihatan dua orang juru-ulas, Awang Malek bin Awang Tengah dan Awang Bahmin bin Hamdan ketika membuat ulasan pandangan mata dari atas anjong bangunan Radio Talivishen.



ELLIE EWING dan Sue Ellen Ewing dalam episod terakhir Dallas — "John Ewing III — Bahagian Pertama".

Sue Ellen berazam untok membalas dendam terhadap J.R. kerana memasokkan-nya ka-sebuah pusat pemulehan kesihatan dan bila J.R. menunjokkan gambar Cliff Barnes bersama dengan sa-orang teman wanita-nya yang baru, Sue Ellen menerima-nya lebeh dari apa yang terdaya di-tanggong-nya.

Saperti biasa Dallas akan dapat di-ikuti pada hari Sabtu jam 7.40 malam.



LATEHAN Tukar Angin di-Hong Kong yang melibatkan lebeh 100 orang anggota dari Batalion pertama AMDB telah di-adakan di-Tanah Jejahan British itu dalam bulan Mei lalu.

Ranchangan itu telah di-siarkan pada 31hb Mei lalu Sempena Sambutan Hari Ulang Tahun ke-18 tertuboh-nya pasokan itu.

Siaran ulangan ranchangan ini akan di-siarkan pada hari Rabu, 1hb Ogos jam 8.45 malam.



CHORETAN warkah Potret Penyanyi minggu ini, melukiskan sa-orang lagi watak seni anak peribumi. Norsiah A. Hamid tampil diri, dengan sumbangseh-nya yang berperi. Chinta-nya pada seni begitu suchi, bagai kaseh sayang sa-orang isteri pada suami.

Begitu-lah kira-nya, sekelumit perwatakan manusia, untok renongan dan perhitongan anak2 seni kita. Agar bertanggong jawab dalam menabor bakti, demi untok mendukong budaya dan menegak seni.

Ranchangan ini akan di-tayangkan pada hari Sabtu 28hb Julai.




SIRI BARU UNTOK KANAK2 — K
animasi-nya yang menarek mempaparkan
mengesahkan pengembaraan sa-orang b
sama keluarga, kawan2 dan binatang p
Kum Kum dan kawan2-nya mengh
hari ini — belajar untok menjadi dewas
tahui tentang alam semula-jadi telah m
ragukan lagi akan dapat menghiborkan
Ranchangan yang pertama akan d

# Orang ramai di-seru menghargai kemudahan yang di-sediakan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Awang Haji Mohd Salleh bin Haji Hidup menyeru orang ramai terutama sekali anak2 muda supaya akan sentiasa menghargai kemudahan2 yang telah di-sediakan oleh kerajaan.

"Jangan sampai keindahan itu akan di-chemar oleh perbuatan2 yang tidak senonoh saperti membuang sampah di-kawasan yang bukan di-tentukan dan merosakkan kemudahan2 yang telah di-sediakan itu".

Beruchap sa-belum merasmikan Peranginan Tasek di-ibu negeri di-sini pada hari Ahad 8hb Julai yang baru lalu, Awang Haji Mohd Salleh seterus-nya menegaskan supaya ketenteraman kawasan Peranginan Tasek itu tidak akan menjadi chemar oleh perbuatan2 yang kurang sopan dan kurang manis pada pandangan mata orang2 Brunei.

Dari itu kata-nya, kerajaan menyedari tentang perlu-nya menyediakan tempat2 yang menarek bagi kanak2 bermain di-kawasan hijau tempat2 beristirehat sa-lain daripada menambah kechantekan alam sekitar di-negeri ini.

Begitu juga dari satu masa ka-satu masa kerajaan menggalakkan perluasan pusat2 perniagaan dan perumahan keluar dari lengkongan sebok yang ada sekarang mengikut peranchangan.

Di-samping itu juga kerajaan sedang giat menitek beratkan ranchangan2 perpindahan yang berbentok moden dan lengkap, tegas Awang Haji Mohd Salleh.

"Semesti-nya-lah kita ingat bahawa sedari awal ini kalau kita kurang berwaspada pada masa yang akan datang bandar kita ini akan di-penohi oleh blok2 konkrit yang tinggi dan kawasan yang keras dan kelabu" kata beliau.

Perkara ini kata-nya mudah terjadi di-kawasan2 bandar yang sempit atau kechil kerana tanah2 di-kawasan itu terlalu mahal dan susah di-perolehi.

Oleh itu ada-lah lojik dari sudut ekonomi bagi pengusaha2 tanah untok menggunakan sa-tiap keping tanah itu kapada garis yang maksima yang mana boleh menyebabkan kehendak2 di-kawasan di-sekeliling-nya dan penghuni2-nya di-ketepikan, tegas Awang Haji Mohd Salleh.

Kerja2 menchantekan kawasan Peranginan Tasek sa-luas 10 ekar itu menelan belanja kira2 30 ribu ringgit dan di-lengkapi dengan alat2 permainan yang beraneka warna untok kanak2 dan orang2 dewasa.



SALAH satu pemandangan di-kawasan peranginan Tasek yang telah di-buka baru2 ini.

# Pameran Senilukis

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-banyak 133 buah hasil lukisan telah di-pamerkan dalam peraduan Pameran Senilukis bagi tahun 1979 sempena Sambutan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei kali yang ke-33 tahun.

Pameran yang di-adakan di-Bilek Pameran Dewan Bahasa dan Pustaka itu telah di-rasmikan oleh Yang Berhormat Dato Setia Awang Abd Rahman bin Dato Setia Hj Mohd Taib, Pengarah Perjawatan pada hari Isnin yang baru lalu. Beliau juga menyampaikan hadiah2 kapada pemenang2 dalam peraduan itu.

Ketika beruchap di-majlis itu, Yang Berhormat Dato Setia Awang Haji Abd Rahman menegaskan bahawa hakikat seni ia-lah untok membangun masharakat dan melahirkan perasaan keinsafan bernegara dan bermasharakat berasaskan ajaran ugama Islam dan adat istiadat yang turun temurun itu patut menjadi pegangan kita.

Kata-nya kalau-lah ahli2 seni kita terutama sekali pelukis2 kita dapat melahirkan perasaan keazaman untok berbakti di-kalangan ahli2 masharakat kita itu ada-lah satu persembahan yang paling sesuai untok kita sembahkan kapada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan sa-bagai tanda menjunjong ribuan terima kaseh di-atas kebijaksanaan Baginda kapada kita semua.

"Kesegaran perasaan yang akan kita nekmati dari hasil kesenian terutama sekali dari lukisan2 yang sama2 kita nekmati dari pameran ini boleh memberikan nafas baru kapada keazaman kita untok membaiki dan mengusai masa depan kita untok berbakti kapada kapada Sultan, masharakat dan negara", tegas Yang Berhormat.

Yang Berhormat seterusnya menjelaskan bahawa tujuan pameran ini di-adakan ia-lah untok menekmati rahmat kehidupan dari Allah di-bawah pimpinan dan kedaulatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia, warna dan susunan masharakat kita telah menghasilkan orang2 seni yang sudah mewakili masharakat di-dalam melahirkan perasaan yang sehat.

Keputusan peraduan adalah saperti berikut: Dalam bahagian Batek tempat pertama telah di-menangi oleh Dayang Mordiah bte Bujang, kedua Ak Md Yamin Pg Momin dan ketiga Awg Bustamam bin Anaf. Sementara dalam bahagian potret pertama jatoh kapada Ak Zainin Pg Mansor, kedua Awang Salleh bin Ibrahim dan tempat ketiga Awang Morshidi bin Akip.

Dalam bahagian pemandangan pula tempat pertama telah di-menangi oleh Awang Johari bin Hussein, kedua di-menangi oleh Morshidi bin Akip dan ketiga Awang Chong Fu. Sementara dalam bahagian Still Life tempat pertama telah di-menangi oleh Awg Chong Fu, kedua Ak Zainin bin Pg Mansor dan tempat ketiga jatoh kapada Awang Duraman bin Shamsuddin.

Manakala dalam bahagian Archa pula tempat pertama jatoh kapada Bimbo Pascual, kedua Awang Wilson TK Lai dan tempat ketiga Awang Kenneth Mah.

Pemenang2 dalam tiap2 bahagian menerima wang tunai $100.00 bagi pemenang pertama, $60.00 bagi pemenang kedua dan $40.00 bagi pemenang ketiga sementara itu hadiah2 penghargaan ia-lah $25.00 tiap2 satu.



DATO Setia Awang Abdul Rahman sedang menyampaikan hadiah kapada Awang Wilson T. K. Lai, yang telah memenangi tempat kedua dalam bahagian archa sementara gambar bawah kelihatan beliau ketika menyaksikan pameran tersebut.



# Perarakan tanglong

Dari muka 6

Pasokan Pancharagam Pulis Diraja Brunei telah mendahului perarakan tersebut dan di-ikuti dengan persembahan khas tanglong berjalan kaki dari Maktab Perguruan Hassanal Bolkiah Gadong yang berjumlah kira2 500 orang peserta.

Turut hadhir menyaksikan perarakan ia-lah TYT Pesurohjaya Tinggi British, Awang Arthur Watson dan Isteri, Penasehat Umom Kebawah DYMM Yang Teramat Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Awang Isa, Menteri Besar, Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara Laila Diraja Pengiran Abd Momin bin Pengiran Haji Ismail, Yang Teramat Mulia Seri Paduka Pengiran Pemancha, Setia Usaha Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz, pembesar2 negara dan pegawai2 kanan kerajaan.

Perarakan pada malam itu juga telah di-saksikan oleh beribu2 orang raayat dan pendudok di-negeri ini yang membanjiri di-tepi2 jalanraya yang di-lalui oleh perarakan tersebut.

# Pameran Pos dan Setem di-lanjutkan

BANDAR SERI BEGAWAN. —Pameran Pos dan Setem yang di-adakan bersempena perayaan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan yang ke-33 tahun di-Muzium Brunei dilanjutkan sa-hingga 29hb Julai.

Pameran kali kedua di-anjorkan oleh Jabatan Pos itu dimulakan sejak 13hb Julai yang lalu.

# GAMBAR2 DI-SEKITAR PERAYAAN HARI K







KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei telah berangkat ka-Daerah Tutong pada hari Selasa minggu lalu untok memereksa dan menerima tabek kehormatan di-Upachara Perbarisan Hari Keputeraan Baginda bagi Daerah itu. Gambar atas kelihatan Baginda Yang Dipertuan ketika memereksa barisan Kadet Pulis Diraja.

Sa-lepas upachara itu, satu Istiadat Mengadap telah di-adakan di-Dewan Kemasharakatan di-mana Baginda melafadzkan titah. Di-Istiadat itu, sembah keshukoran dari raayat dan pendudok Daerah Tutong di-sembahkan oleh Pemangku Pegawai Daerah, Awang Puasa bin Tudin (gambar kanan).



DI-T
pada
Hari
rah
baris
Meh
atas
Pulis
Awa
Istia



SATU Majlis Santapan bagi pegawai2 dan kaki-tangan dari Jabatan2 yang beruniform telah di-adakan di-Istana Darul Hana pada 17hb Julai yang lalu. Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri dan DYTM Paduka Seri Begawan Sultan (gambar atas) berangkat ka-majlis tersebut.

Sa-lepas majlis itu, Kebawah Duli Yang Maha Mulia telah berangkat untok bersalaman dengan para jemputan di-majlis itu. Gambar bawah kiri kelihatan salah sa-orang pengakap sedang bersalaman dengan Baginda Yang Dipertuan sementara gambar bawah kanan pula penyanyi2 Pop dari Indonesia di-perkenalkan kapada Baginda Yang Dipertuan.







# EPUTERAAN BAGINDA YANG DI-PERTUAN





BURONG satu Upachara Perbarisan Kehormatan juga telah di-adakan ri Khamis yang lalu. Upachara tersebut ada-lah sa-bagai memulakan puteraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia yang ke-33 tahun bagi dae-. Kebawah DYMM telah berangkat ka-Upachara itu dan memereksa kehormatan yang di-ambil bahagian oleh pegawai dan anggota Askar Diraja Brunei (gambar bawah) dan pasokan pertubohan awam. Gambar an kelihatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia memereksa barisan kadet Diraja dan gambar atas pula Pemangku Pegawai Daerah Temburong, Haji Yaakub bin Haji Ahmad menyembahkan uchapan keshukoran di- t Mengadap yang di-adakan sa-lepas Upachara Perbarisan itu.







GAMBAR atas: Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei kelihatan sedang meng-orniakan Darjah Paduka Seri Laila Jasa Yang Amat Berjasa Darjah Pertama — P.S.L.J. kapada Y. B. Pengiran Dato Seri Laila Jasa Haji Sapiuddin bin Pengiran Haji Sulaiman, salah sa-orang dari 370 orang penerima Bintang2 dan Pingat2 Kehormatan sempena Hari Keputeraan Baginda pada tahun ini. Gambar atas kanan pula kelihatan kepala perarakan tang-long pasokan Kadet Pulis Diraja Sekolah Menengah Hashim Tutong yang mengambil bahagian dalam perarakan tanglong di-Pekan Tutong pada malam Sabtu lalu.






# Peraduan Kanak-kanak sehat di-Tutong



TUTONG — Peraduan Kanak2 Sehat sempena hari keputeraan Baginda Sultan telah di-adakan di-Sekolah Menengah Melayu Muda Hashim Tutong pada hari Jumaat lepas. Kira2 120 orang kanak2 menyertai pertandingan anjoran Pertubohan Perkumpolan Perempuan Brunei Chawangan Daerah Tutong itu.

Pertandingan itu terbahagi kapada empat kumpolan. Dalam kumpolan dari empat ka-lapan bulan, telah di-menangi oleh Awang Mohammad Nazhi Azalin bin Mat Noor, dalam kumpolan dari lapan ka-12 bulan di-menangi oleh Mohammad Yani bin Mohideen dan dalam kumpolan dari 12 hingga ke-18 bulan telah di-menangi oleh Mohammad Nurayaraini bin Abdul Latif sementara Dayang Norazreina Wati binte Abdul Malik memenangi bahagian kumpolan dari 18 hingga 24 bulan.

Hadiah2 telah di-sampaikan oleh Isteri Pemangku Pegawai Daerah Tutong, Dayang Zaleha binte Omar.



GAMBAR atas ia-lah penuntut2 Sekolah Persediaan Inggeris Seria yang telah berjaya memenangi tempat pertama dalam peraduan Permainan lalu-lintas Shell yang telah di-adakan di-Kuala Belait baru2 ini.

Sekolah tersebut akan mewakili Daerah Belait dalam peraduan perengkat negeri yang akan di-adakan di-Bandar Seri Begawan.

# Harga barang2 keperluan

SAPERTI biasa di-bawah ini di-chatetkan beberapa jenis barang2 keperluan sa-hari2 yang di-dapati di-jual dengan harga yang lebeh sederhana rendah di-kedai2 Bandar Seri Begawan, Kuala Belait dan Seria. Ada-lah di-ingatkan kapada orang ramai bahawa harga barang2 yang berikut di-bawah ini bermula bagi minggu 19hb Julai, 1979.

**BANDAR SERI BEGAWAN :**

1. LADA KERING — $3.00 sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut:—
   a) Liong Yu Company, No. 58, Jalan Sultan.
   b) Tan Eng Huat, No. 111, Bangunan Guru2 Melayu.
   c) Sharikat Haji Abdul Rahman, No. 94, Jalan Chevalier.
2. SAYOR KINCHAM — $2.40 sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut:—
   a) Chop Aik Thye, No. 25, Jalan Sultan.
   b) Hen Loong, No. 31, Jalan Sultan.
3. KULAT KERING (Bertangkai) — $2.50 sa-tahil boleh di-beli dari kedai2 berikut:—
   a) Liong Yu Company, No. 58, Jalan Sultan.
   b) Chop Hock Huat, No. 62, Jalan McArthur.

**KUALA BELAIT :**

1. LADA KERING — $3.40 sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut : —
   a) Ng Ming Hong, No. 101, Jalan Mckerron.
   b) Ng Ming Hong, No. E, Bangunan Dewan Perdagangan China.
2. SAYOR KINCHAM — $2.60 sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut:—
   a) Yick Yuen, No. 3, Jalan Pretty.
   b) Kok Kee, No. 60, Jalan Pretty.
   c) Ng Ming Hong, No. E, Bangunan Dewan Perdagangan China.
3. KULAT KERING (Bertangkai) — $2.70 sa-tahil boleh di-beli dari kedai2 berikut:—
   a) Yick Yuen, No. 3, Jalan Pretty.
   b) Kok Kee, No. 60, Jalan Pretty.

**SERIA :**

1. LADA KERING — $3.60 sa-kati boleh di-beli dari kedai berikut:—
   a) Poh Sing, No. 65, Jalan Bunga Kenanga.
2. SAYOR KINCHAM — $2.40 sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut:—
   a) Chop Kun Mee, No. 6, Jalan Sultan Omar Ali.
   b) Chop Yick Hoe, No. 7, Jalan Sultan Omar Ali.
3. KULAT KERING (Bertangkai) — $2.60 sa-tahil boleh di-beli dari kedai2 berikut:—
   a) Chop Kun Mee, No. 6, Jalan Sultan Omar Ali.
   b) Hui Guan, No. 48-B, Jalan Bunga Kuning.
   c) Yuan Ho Hing, No. 49-B, Jalan Bunga Kuning.
   d) Chop Nam Wah, No. 64, Jalan Bunga Kuning.
   e) Poh Sing, No. 65, Jalan Bunga Kenanga.

# Jadual lawatan Perpustakaan Bergerak bagi 26hb hingga 31hb Julai, 1979

| TEMPAT PERSINGGAHAN | TARIKH | HARI | MASA |
|---|---|---|---|
| Kawasan Rumah Mukim Serasa | *26.7.1979 | Khamis | 3.15– 4.15 petang |
| Kawasan Rumah Ketua Kampong Masjid Lama, Muara | *26.7.1979 | Khamis | 4.30– 5.30 ,, |
| Kawasan Masjid, Kampong Sengkurong | 28.7.1979 | Sabtu | 2.00– 3.00 ,, |
| Sekolah Melayu Orang Kaya Setia Bakti, Kilanas | 28.7.1979 | Sabtu | 3.15– 4.15 ,, |
| Sekolah Melayu Bendahara Sakam, Bunut | 28.7.1979 | Sabtu | 4.30– 5.30 ,, |
| Sekolah Melayu Sungai Hanching | 30.7.1979 | Isnin | 3.00– 4.00 ,, |
| Berhadapan Kedai, Pekan Muara | 30.7.1979 | Isnin | 4.30– 5.30 ,, |
| Sekolah Inggeris Berakas (Bhg. Menengah) | 31.7.1979 | Selasa | 9.15–10.15 pagi |
| Sekolah Melayu Anggerek Desa | 31.7.1979 | Selasa | 10.30–11.30 ,, |

*26hb Julai 1979 — Chuti Awal Ramadhan. Tertaalok kapada perubahan.



AWANG Sumadi bin Sukaimi, Pensharah di-Maktab Perguruan Sultan Hassanal Bolkiah, Gadong (gambar atas) akan mengisikan ranchangan SISWAZAH BRUNEI keluaran minggu ini.

Dalam ranchangan itu nanti, awda pendengar akan dapat mengikuti pengalaman beliau dalam mengejar ilmu pengetahuan sa-hingga beliau lulus dari Universiti Nottingham dalam tahun 1978 dengan mendapat ijazah B.Ed. (Hons).

Ranchangan ini akan ka-udara pada hari Jumaat 27hb Julai, 1979 jam 7.30 malam dan siaran ulang-nya pada hari Sabtu 1.00 petang.

# "Red Line 7000" tayangan malam minggu

PERISTEWA kemalangan yang mengerikan telah membawa kematian yang terjadi sa-chara serta merta dan telah menamatkan karier sa-orang ahli lumba-kereta—Jim Parsons. Mike Mash, rakan sa-pasokan-nya dan Banjo Baker, ketua-nya kembali ka-hotel mereka sa-lepas upachara pengkebumian dan mendapati teman wanita Parsons, Holly MacGregor, dengan perasaan yang terharu telah menyalahkan diri-nya sendiri kerana kemalangan itu. Holly perchaya yang diri-nya ada-lah menjadi sebab kemalangan kapada sa-tiap lelaki yang di-dampingi-nya.

Holly kemudian-nya menjadi teman kongsi kapada tuan punya kedai minum, Lindy—sa-orang janda dari bekas pelumba-kereta yang lain. Tempat ini merupakan tempat persinggahan yang di-gemari oleh pemandu2 dan teman2 wanita mereka. Bila sa-orang ahli lumba-kereta yang baru, Dan McCall yang tiba dari Paris sampai di-tempat itu, Holly bertemu dengan kenalan baru sekali lagi. Walau pun dia chuba untok mengoda-nya, Holly menolak permintaan Dan kerana kematian Parsons maseh bersemadi bersama perasaan-nya.

**Gambar atas menunjokkan salah satu adegan dari tayangan malam minggu—"Red Line 7000" mengenai kehidupan pemandu2 lumba-kereta yang menarek perhatian walau pun merbahaya.**




CHARLES Ingalls dan Jonathan Garvey mempelajari sa-suatu yang memalukan bila mereka menchipta sa-buah ranchangan untok mempermainkan anak2 lelaki mereka dalam "Men Will Be Boys"—episod Little House On The Prairie minggu ini (gambar kanan).

Untok memboktikan yang mereka itu lelaki yang sudah dewasa dan anak2 lelaki mereka sa-bagai kanak2 yang belum matang tentang hidup, mereka meranchang untok pergi merantas hutan yang sukar untok di-lalui. Tapi mereka sa-bagai orang tua tidak mengindahkan kepintaran anak2 mereka.





KUM — siri untok kanak2 dengan ... keadaan di-Zaman Batu. Ia-nya ... laki yang berusia lima tahun ber...-nya.

...masalah2 yang sama dengan kanak2 ... keinginan mereka untok mengenali kehidupan mereka yang tidak di... penunton2 muda.

...kan pada hari Sabtu 28hb Julai.



**RICHARD O'Sullivan memainkan peranan-nya sa-bagai DICK TURPIN sa-orang penyamun dalam kesah yang bertajok "The Champion".**

Turpin mendapat pertolongan dari sa-orang yang bergelut untok mendapat hadiah — Tom Bracewell, bila dia mendapati yang perkampongan di-Mudbury sedang berada di-dalam kekechohan. Tayangan ranchangan ini akan dapat di-ikuti pada hari Selasa, 31hb Julai.



**ENGLISH Programmes of RTB come under continuous criticism at the monthly Writer's Workshop. RTB Producers also take part. Local writers of poetry and radio talks are welcome to join. They should contact Charan Chand (centre) of RTB and enclose examples of their writing. Encouragement will be given to writer's from local English school who wish to take part.**

# Lebeh 5,000 orang menyaksikan Persembahan Pencharagam Sekolah2

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kira2 5,000 orang termasok kanak2 sekolah telah membanjiri Padang Besar di-ibu kota bagi menyaksikan persembahan pencharagam dari sekolah2 menengah dan maktab2 seluroh negeri di-sini pada hari Khamis yang baru lalu.

Persembahan kali kedua yang di-anjorkan oleh Bahagian Latehan Kesenian, Jabatan Pelajaran itu adalah merupakan salah satu achara perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei kali yang ke-33 tahun dan Sempena Tahun Antarabangsa Kanak2.

Pasokan2 Pencharagam dari sembilan buah sekolah2 menengah dan maktab2 di-negeri ini telah mengambil bahagian.

Achara pada petang itu di-mulakan dengan berjalan lalu di-mana Awang Sidek bin Yahya, Pegawai Pentadbir Kanan, Jabatan Setia Usaha Kerajaan telah menerima tabek kehormatan dari pasokan2 yang mengambil bahagian.

Sa-banyak 26 buah lagu telah di-mainkan oleh pasokan2 yang mengambil bahagian antara-nya termasok-lah lagu Joget, Lanchang Kuning, Alus Jua Dindang, Sireh Pinang, Pemuda Islam, Potong Padi, Ketipang Payong, Rukun Islam dan Terkenang di-Kampong.

Satu persembahan pencharagam khas juga telah di-mainkan oleh Sekolah Persediaan Inggeris Keriam, Tutong.

Turut hadhir di-temasha tersebut ia-lah Pengarah Pelajaran, Dato Awang Hj Ahmad bin Hj Jumat serta Pegawai2 Kanan Jabatan Pelajaran.



YANG Dimuliakan Dayang-Dayang Diraja Datin Seri Utama Rosnah ketika di-alu2kan ketibaan-nya untok merasmikan Pameran Urusan Rumah-tangga itu.

# Pameran Urusan Rumah-tangga

BANDAR SERI BEGAWAN. — Yang Dimuliakan Dayang-Dayang Diraja Datin Seri Utama Rosnah bte Abdullah telah merasmikan Pameran Urusan Rumah-Tangga bertempat di-Dewan Pusat Belia pada hari Jumaat yang baru lalu.

Pameran yang di-anjorkan oleh Persatuan Pertiwi itu ada-lah merupakan salah satu achara sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei kali yang ke-33 tahun.

Sa-banyak 30 bahan pameran telah di-pamerkan ini termasok-lah masak2an, gubah2an bunga, songketan dan anyam2an. Hadiah2 telah di-sampaikan oleh Yang Amat Mulia Pengiran Anak Hajjah Siti Rafeah bte Pengiran Bendahara Muda Haji Hashim.

Dua orang pemenang telah di-pileh ia-itu Dayang Boche binte Yahya yang menerima tiket penerbangan pergi balek ka-Singapura dan Dayang Halimah bte Mohammad Yusof yang telah menerima tiket penerbangan pergi balek ka-Kota Kinabalu. Kedua2 tiket itu telah di-sumbangkan oleh sa-buah Ajen Penerbangan di-Brunei.





AWANG Sidek Yahya ketika membalas tabek berjalan lalu pencharagam sekolah yang di-adakan di-Padang Besar pada hari Khamis lalu.

# Perarakan di-ayer

BANDAR SERI BEGAWAN.—Sa-banyak 13 buah kenaikan berhias telah mengambil bahagian dalam perarakan berchuchol di-ayer yang telah di-adakan di-Sungai Brunei pada malam Ahad yang lalu.

Perarakan kenaikan di-laut itu ada-lah sa-bagai salah satu achara perayaan sempena Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei.

Perarakan yang sama juga telah di-adakan di-Sungai Belait pada malam Isnin lalu.

# Sembah keshukoran dari TYT

Dari muka 2

wel yang terkemuka telah bersama-sama menghadhiri satu Perkahwinan Diraja Brunei. Di-samping itu, patek perchaya, kehadhiran mereka itu merupakan satu tanda angkat-hati peribadi dan muhibbah kapada Duli Tuanku dan ayahanda Duli Tuanku yang di-hormati Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan, dan sa-bagai satu tanda perhatian serta rasa mesra kapada Brunei di-kalangan jiran2 sahabat-nya. Duli Tuanku, pada ketika ini ada-lah satu perkara yang sa-harus-nya di-ingati bahawa bukan sahaja ikatan persahabatan dalam Komanwel tetapi juga persahabatan yang dinekmati Brunei dalam Pertubohan Negara2 Asia Tenggara yang sekarang munchul sa-bagai satu suara yang sa-makin penting dalam hal ehwal dunia. Brunei ada-lah patut di-beri tahniah kerana di-sakeliling-nya terdapat jiran2 dalam ASEAN yang stabil, kukoh dan maju ekonomi-nya.

Sa-bagai penutop, patek sa-kali lagi ingin menyembahkan uchap selamat peribadi patek kapada Duli Tuanku bersempena dengan Hari Puja Usia Ke-33 Duli Tuanku, dan berbanyak-banyak terima kaseh kapada Duli Tuanku, ayahanda Duli Tuanku yang di-hormati Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan, dan kapada raayat Brunei atas budi baik dan ramah-tamah yang isteri dan patek terima sejak datang ka-Brunei. Penghargaan patek juga ada-lah kapada semua mereka dalam Kerajaan Duli Tuanku, Askar Melayu Diraja Brunei dan Pulis Diraja Brunei atas pelbagai bantuan yang di-berikan kapada patek berdua.

## RALAT

DALAM keluaran Pelita Brunei minggu lepas yang antara-nya mengandongi sembah keshukoran yang di-sembahkan oleh Menteri Besar, Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara Laila Diraja, Pengiran Abdul Momin bin Pengiran Haji Ismail terdapat kesilapan.

Para 10 dalam sembah keshukoran Yang Amat Berhormat Menteri Besar itu yang di-siarkan sa-penoh-nya yang berbunyi: "Dalam masa kebelakangan 12 bulan ini jua, alhamdulillah, seluroh raayat dan pendudok negeri ini sekali lagi bershukor atas kornia Allah Subhanahu Wa-ta'ala sa-orang puteri kapada Paduka Adinda Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Amal Rakiah yang mana abis Patek sekalian berdo'a mudah-mudahan bertambah dengan lebeh ramai lagi chunda2 kapada Paduka Ayahanda dan Paduka Bonda pada memanjangkan zuriat yang saleh" ada-lah tidak terkandong dalam sembah keshukoran itu.

Dengan ini, pehak penyunting menjunjong maaf atas kehilapan itu.



HARI Peladang telah di-adakan di-Steshen2 Pertanian Sungai Liang dan Bang Nukat, Lamunin pada 8hb dan 10hb Julai yang lalu. Kira2 200 orang peladang telah di-undang untok menyaksikan tunjok chara teknik tanaman moden.

Gambar atas kelihatan peladang dari Daerah Belait ketika mendengar penerangan dari Pengurus Ladang Steshen Sungai Liang, Awang Ramli bin Haji Seri.

# MAIN CHATOR — PERMAINAN DIRAJA

# LEJENDA BOBBY FISCHER

OLEH: STEWART WAVELL

**Siri ke-36**

BOBBY Fischer menjadi satu fenomena dunia. Berjuta2 manusia di-seluroh dunia mengenal nama-nya walau pun mereka tidak tahu mengenai chator. Prestasi-nya yang paling agong ada-lah melepaskan chengkaman orang2 Rusia ka-atas chator: membuktikan kapada orang di-semua negeri bahawa mereka juga dapat mengalahkan orang2 Rusia jika mereka menchuba. Prestasi peribadi-nya ada-lah tatkala menjadi juara dunia dalam tahun 1973, ia hanya kalah lima permainan (satu kerana luchut hak) daripada enam puloh lima permainan, dari Palma ka-Reykjavik melawan elit chator dunia dengan memperolehi, menurut sekil Elo, kedudokan paling tinggi bagi mana2 pemain dalam sejarah. Dia memenangi Kejuaraan Amerika Sharikat tatkala berumor 14 tahun. Apabila berumor 25 tahun pada tahun 1968 ia sudah pun lebeh banyak bermain pertandingan dan permainan rasmi daripada yang di-lakukan oleh Anderssen, Morphy, Steinitz, Lasker atau Capablanca dalam keselurohan karier mereka.

Sa-masa berumor 13 tahun, Bobby Fischer bermain apa yang di-namakan "permainan kurun ini" melawan Donald Byrne, sa-orang bangsa Amerika bertaraf Master. Fischer, yang maseh menuntut, bermain Hitam.

| | | |
|---|---|---|
| 1. | K-f3 | K-f6 |
| 2. | B-c4 | B-g6 |
| 3. | Kc-3 | G-g7 |
| 4. | B-d4 | 0-0 |
| 5. | G-f4 | B-d5 |
| 6. | M-b3 | BxB |
| 7. | MxB | B-c6 |
| 8. | B-e4 | K-d7 |
| 9. | T-d1 | K-b6 |
| 10. | M-c5 | G-g4 |
| 11. | G-g5(?) | K-a4! |
| 12. | M-a3 | |

Puteh tidak berani 'makan' Kuda. Jika 12. KxK, KxB; 13. M-b4, KxG; 14. KxK, GxT; 15. RxG, GxB dengan satu permainan kemenangan.

| | | |
|---|---|---|
| 12. | . . . | KxK |
| 13. | BxK | KxB! |
| 14. | GxB | M-b6 |
| 15. | G-c4 | KxB(c3) |
| 16. | G-c5 | T(f8)-e8 asah |
| 17. | R-f1 | G-e6! |

Satu korban Menteri yang tidak di-duga yang menang dalam semua variasi.

| | | |
|---|---|---|
| 18. | GxM | GxG asah |
| 19. | R-g1 | K-e2 asah |
| 20. | R-f1 | KxB asah |
| 21. | R-g1 | K-e2 asah |
| 22. | R-f1 | K-c3 asah |
| 23. | R-g1 | BxG |
| 23. | M-b4 | T-a4 |
| 25. | MxB | KxT |
| 26. | B-h3 | TxB |
| 27. | R-h2 | KxB |
| 28. | T-e1 | TxT |
| 29. | M-d8 asah | G-f8 |
| 30. | KxK | G-d5 |
| 31. | K-f3 | K-e4 |
| 32. | M-b8 | B-b5 |
| 33. | B-h4 | B-h5 |
| 34. | K-e5 | R-g7 |
| 35. | R-g1 | G-c5 asah |
| 36. | R-f1 | K-g3 asah |
| 37. | R-e1 | G-b4 asah |
| 38. | R-d1 | G-b3 asah |
| 39. | R-c1 | K-e2 asah |
| 40. | R-b1 | K-c3 asah |
| 41. | R-c1 | T-c2 mat. |

Bobby Fischer menjadi grandmaster tatkala berumor 15 tahun. Resipe-nya pada umor itu ada-lah: "Latehan. Belajar. Bakat". Dia mendapat kedudokan kelima di-kalangan pemain2 dunia yang terbaik, termasok Mikhail Tal ia-itu juara dunia pada ketika itu. Tentu-lah ia merasa sedeh. Peristewa itu ada-lah sa-masa di-adakan Interzonal Tournament di-Portoroz yang membawa kapada kejuaraan dunia. Tidak-lah di-hiraukan-nya yang ia mengatasi sembilan orang grandmaster antarabangsa. Dia berharap untok menang.

Sa-lepas satu lawatan singkat ka-Amerika Latin, ujian hebat bagi Bobby berikut-nya ada-lah di-Zurich melawan pemain2 terkenal saperti Tal, Keres, Olafsson, dan Gligoric. Bobby seri dengan Tal beberapa kali dan mengatasi-nya sa-kali dalam pendakian-nya yang jauh di-kemunchak. Beberapa daripada permainan-nya berterusan sa-hingga 90 gerak, yang bagi sa-tiap orang merupakan perlawanan yang paling meletehkan. Tetapi Fischer yang muda itu terus gigeh bermain. Di-Amerika Sharikat, pemain2 chator mengikuti kemajuan yang di-buat oleh Bobby dengan perasaan ta'ajub dan gementar sa-hingga-lah pada pusingan ke-11 apabila ia kalah oleh Gligoric. Lawan-nya yang berikut ada-lah Paul Keres, sa-orang lejenda dalam dunia chator. Permainan itu sa-akan2 tidak berkesudahan, di-tanggohkan dua kali, satu pertarongan anchaman dan ancham-balas yang tepat dan sengit, dan hampir2 tidak di-perchayai Bobby menang. Di-akhir pusingan ke-13, Bobby dan Tal berada di-depan dengan masing2 mendapat 10-3. Dr. Euwe berkata pada masa itu: "Teknik permainan-nya hampir2 merupakan satu ke-ajaiban. Sa-masa umor sa-baya muda dengan-nya, hanya beberapa orang pemain yang dapat mengendalikan permainan hujong dengan begitu tepat sa-kali. Hanya dua orang pemain saperti itu yang saya kenali — Smyslov dan Capablanca". Fenomena itu bukan sahaja sudah tiba tetapi sudah terbentok. Tidak sa-orang pun meragukan yang akhir-nya ia akan memenangi kejuaraan dunia. Dalam Perlawanan berikut-nya di-Yugoslavia, ia menchapai kemenangan melawan Keres dan Smyslov tetapi Tal ada-lah pada kemunchak kechemerlangan-nya dan Bobby kalah 4-0 — kekalahan yang paling terok dalam karier muda-nya. Tanpa risau dan bimbang, ketika berumor 16 tahun, ia maseh perchaya yang dia-lah pemain terbaik di-dunia dan terhandal sa-panjang zaman. Melalui timbunan permainan dan timbunan Perlawanan, ia akhir-nya munchul pada tahun 1971 dalam permainan kelayakan Candidates Match bagi kejuaraan dunia apabila Spassky ada-lah Raja. Sa-masa melawan Taimanov, bangsa Rusia yang berchita-chita tinggi, Bobby bermain tanpa sebarang kesalahan dan menang 6-0. Sa-masa melawan Larsen, pemain handal yang memileki taktik chemerlang yang luar-biasa, Bobby sa-kali lagi menang 6-0. Beberapa tahun sa-lepas itu, di-Hastings, saya bertanya kapada Larsen apa yang berlaku. "Di-Denver, Colorado," kata-nya, "chuacha terlalu panas. Suhu ada-lah 100 darjah. Saya tak larat menanggong-nya". Tetapi nampak-nya tidak begitu bagi Bobby. Sa-masa melawan Petrosian ia menang 6½-6½. Dalam perjalanan-nya untok mendapatkan mahkota dunia, ia menang 20 permainan berderet dengan mengalahkan pemain2 terhandal dunia — satu usaha perkasa yang memberikan-nya kedudokan tertinggi dalam sejarah permainan chator.

Peristewa2 gempar permainan kejuaraan dunia dengan Spassky ada-lah belum begitu lama berlalu dan sudah begitu terkenal untok saya mengulas dengan detail di-sini. Bobby menang 12½-8½ dan menyingkirkan pemain Rusia yang ramah-tamah serta berbakat itu dari singgahsana-nya. Dengan kemenangan-nya itu, Bobby menchapai dua chita2 — untok menjadi juara dunia dan melepaskan chengkaman sa-lama lima puloh tahun orang2 Rusia ka-atas mahkota kejuaraan dunia. Sejak itu ia tidak pernah bermain di-khalayak ramai. Ada-kah ia akan munchul sa-mula? Saya meragukan hal itu. Prestasi-nya ada-lah bersejarah. Berdasarkan keputusan sahaja, ia ada-lah yang terhandal untok sa-panjang zaman. Mengapa di-rosakkan dengan anti-klimaks?

Berikut saya berikan permainan-nya melawan Spassky dalam permainan kejuaraan dunia yang menampakkan kemurnian klasik dalam stail Bobby. Dia bermain Puteh.

| | | |
|---|---|---|
| 1. | B-c4 | B-e6 |
| 2. | K-f3 | B-d5 |
| 3. | B-d4 | |

Suatu yang memeranjatkan — pertama kali Fischer bermain Queen's Gambit apabila bermain Puteh!

| | | |
|---|---|---|
| 3. | . . . | K-f6 |
| 4. | K-c3 | G-e7 |
| 5. | G-g5 | 0-0 |
| 6. | B-e3 | B-h6 |
| 7. | G-h4 | B-a6 |

Ini ada-lah Pertahanan Tartakower. Hitam bertujuan untok mengeluarkan Gajah petak puteh-nya melalui petak b7. Melibatkan Gajah ini ka-dalam permainan selalu merupakan satu masa'alah dalam pembukaan ini. Sistem ini mempunyai satu reputasi yang kukoh dan biasa-nya mewujudkan satu kedudokan selamat bagi Hitam. Walau bagaimana pun, Puteh mesti memblokir pepenjuru yang di-kawal oleh Gajah itu.



| | | |
|---|---|---|
| 8. | BxB | KxB |
| 9. | GxG | MxG |
| 10. | KxK | BxK |

Gajah sudah di-blokir.

| | | |
|---|---|---|
| 11. | T-c1 | G-e6 |
| 12. | M-a4 | B-c5 |
| 13. | M-a3 | T-c8 |
| 14. | G-b5! | B-b6 |
| 15. | BxB | BxB |
| 16. | 0-0 | T-a7 |
| 17. | G-e2 | K-d7 |
| 18. | K-d4- | M-f8 |
| 19. | KxG | BxK |
| 20. | B-e4' | |

Membuka satu pepenjuru penting untok Gajah.

| | | |
|---|---|---|
| 20. | . . . | B-d4? |
| 21. | B-f4 | M-e7 |
| 22. | B-e5! | T-b8 |
| 23. | G-c4 | R-h8 |
| 24. | M-h3 | K-f8 |
| 25. | B-b3 | B-a5 |
| 26. | B-f5 | BxB |
| 27. | TxB | |

Menganchan T-f7.

| | | |
|---|---|---|
| 27. | . . . | K-h7 |

Menganchan K-g5.

| | | |
|---|---|---|
| 28. | T(c1)-f1 | M-d8 |
| 29. | M-g3 | T-e7 |
| 30. | B-h4 | T(b8)-b7 |
| 31. | B-e6 | T(b7)-c7 |
| 32. | M-e5 | M-e8 |
| 33. | B-a4 | M-d8 |
| 34. | T(f1)-f2 | M-e8 |
| 35. | T(f2)-f3 | M-d8 |
| 36. | G-d3 | M-e8 |
| 37. | M-e4 | K-f6 |
| 38. | TxK! | BxT |
| 39. | TxB | R-g7 |
| 40. | G-c4 | R-h8 |
| 41. | M-f4 | Menyerah kalah. |

Daripada menanggohkan permainan, Spassky memileh untok menamatkan kesengsaraan-nya itu. Jika 41 . ..., T-c8 (untok menghalang T-f8 asah); 42. TxB asah, T-h7; 43. M-e5 asah, R-g8; 44. B-e7 aras, T-f7; 45. T-h8, Mat.

## Sokan Ria Mukim2 Brunei-Muara

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sokan Ria antara Mukim-Mukim Daerah Brunei Muara yang di-anjorkan sempena menyambut Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan yang ke-33 tahun telah di-langsongkan di-Padang Besar di-sini minggu lalu.

Sokan yang di-adakan buat kedua kali-nya itu telah di-rasmikan oleh Pengawal Kenderaan Darat Brunei, Dato Paduka Awang Abidin bin Rashid.

Sa-banyak 15 buah mukim di-daerah tersebut telah mengambil bahagian dan sa-banyak 16 achara telah di-pertandingkan.

Munchol menjadi johan di-sokan tersebut ia-lah Mukim Saba. Johan tahun lalu ia-itu Mukim Serasa hanya mendudoki tempat kedua manakala tempat ketiga pula telah di-menangi oleh Mukim Kota Batu.

Hadiah2 telah di-sampaikan oleh Yang Amat Mulia Pengiran Jaya Perkasa Pengiran Anak Mohd Hassan bin Pengiran Anak Sabtu Kamaluddin.




## TAREK KALAT PERENGKAT DAERAH

BANDAR SERI BEGAWAN. — Dua perlawanan akhir tarek kalat perengkat daerah sempena menyambut hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan yang ke-33 tahun telah berlangsong di-dua daerah yang berasingan minggu lalu.

Pada Ahad lalu 15hb Julai 1979 perlawanan tersebut bagi perengkat daerah Brunei-Muara telah berlangsong di-Padang Besar di-sini. Sa-banyak enam pasokan telah mengambil bahagian.

Munchol menjadi johan dalam bahagian 'A' ia-lah berat badan 150lb ka-bawah ia-lah Pasokan J.K.R. A1. Johan dalam bahagian 'B' ia-itu berat badan 150lb ka-atas ia-lah Pasokan J.K.R.

Memenangi tempat kedua dalam bahagian 'B' ia-lah Pasokan AMDB sementara tempat ketiga ia-lah Pasokan Jabatan Letrik. Pasokan Pulis Diraja Brunei dan satu lagi Pasokan AMDB masing2 telah mendudoki tempat kedua dan ketiga dalam bahagian 'A'.

Hadiah2 telah di-sampaikan oleh Pengerusi Perlawanan Tarek Kalat Daerah Brunei-Muara, Pengiran Jadid bin Pengiran Haji Omarali.

Sa-hari sa-belum itu bertempat di-Padang Panglima Kuala Belait satu perlawanan serupa bagi daerah tersebut juga telah di-adakan. Perlawanan terbahagi kapada empat bahagian dan ini termasok-lah satu perlawanan khas di-antara Ahli2 Jawatankuasa Perlawanan Tarek Kalat Daerah Belait dengan Ahli2 Jawatankuasa Tertinggi Perayaan Daerah Belait.

Dalam bahagian Maktab2, Sekolah Menengah dan Misi, Maktab Anthony Abell Seria telah berjaya menjadi johan sa-telah mengalahkan Sekolah Menengah Melayu Ahmad Tajuddin 'A'.

Munchol menjadi johan dalam bahagian Umor 40 tahun ka-atas ia-lah Pasokan Jabatan Kerja Raya Kuala Belait dan Pasokan Tawkey2 China Pekan Belait sa-telah masing2 berjaya mengalahkan Pasokan Pulis Diraja Daerah Belait dan Pasokan Tawkey2 China Pekan Seria.

Dalam bahagian Berat Badan 150lb ka-atas johan telah di-sandang oleh Pasokan Pulis Diraja Daerah Belait 'A' sa-telah berjaya mengalahkan Pasokan Pulis Diraja Daerah Belait 'B'. Sementara Pasokan Chung Pah Hing (B) Sendirian Berhad Kuala Belait pula berjaya menjadi johan dalam bahagian tersebut sa-telah mengalahkan Pasokan Kampong Sungai Teraban Kuala Belait.

Hadiah2 telah di-sampaikan oleh Yang Berbahagia Pegawai Daerah Belait, Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Ja'afar.

## Bulu Tangkis Jab. Pelajaran

JALAN MUARA. — Perengkat awal Perlawanan Bulu Tangkis antara Jabatan2 Kerajaan bagi merebut piala yang di-sumbangkan oleh Pengarah Jabatan Pelajaran Brunei, Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Ahmad bin Haji Jumat sekarang di-jalankan bertempat di-bangunan Sekolah Pertukangan Saiful Rizal di-sini.

Perlawanan yang buat kedua kali-nya di-anjurkan oleh Jabatan Pelajaran itu ada-lah bagi meraikan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Yang ke-33 tahun.

Sa-banyak 16 pasokan telah mengambil bahagian. Tahun lalu perlawanan tersebut telah di-menangi oleh Pasokan Jabatan Pelajaran 'A'.

## Pasokan Nakhoda Ragam Johan Bolasepak

KUALA BELAIT. — Pasokan Jalan Nakhoda Ragam telah berjaya menjadi johan dalam Perlawanan Bolasepak 16 tahun ka-bawah sempena menyambut Hari Keputeraan Puja Usia Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan yang ke-33 tahun yang telah berlangsong di-Padang Panglima di-sini minggu lalu.

Kemenangan itu telah di-chapai oleh pasokan tersebut sa-telah berjaya mengalahkan Pasokan Anak2 Pulis Daerah Belait. Sa-banyak empat pasokan telah bertanding di-perengkat tersebut.

Tahun lalu perlawanan tersebut telah di-menangi oleh Pasokan Jalan Pemancha.

Hadiah2 telah di-sampaikan oleh Setiausaha Agong Jawatankuasa Sambutan Hari Keputeraan Daerah Belait, Awang Abdul Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Haji Abdul Rahim.

# Freemasonry menjatohkan kesultanan Turki

Dari muka 4

gong-jawab MENJATOHKAN SULTAN ABDUL HAMID DALAM KERAJAAN OTHMANIAH, TURKI pada lewat abad ke-19 dan awal abad ke-20. Lodge Freemason di-Turki dengan giat bekerja memechahkan Kerajaan Islam Othmaniah dan akhir-nya berjaya memperalatkan golongan *"YOUNG TURKS"* di-bawah pimpinan Mustafa Kamal Ataturk menggulingkan Sultan Abdul Hamid. Sultan Abdul Hamid ada-lah orang yang di-sebut2 sabagai bertanggong-jawab menolak permintaan Yahudi untok membeli tanah yang sekarang ini di-kenal sa-bagai "Israel". Pada masa itu "Israel" ada-lah di-bawah Kerajaan Islam Othmaniah.

NEGARA SECULAR

Melalui kegiatan2 sulit Yahudi dan Freemason, akhir-nya Pemerentahan Islam Turki bertukar chorak menjadi sa-buah *Negara Secular* yang tidak lagi berpegang kapada tradisi dan hukum2 Islam. Sistem pemerentahan beraja (Raja Islam) telah di-hapuskan, di-ganti dengan *Kerajaan Kuku Besi* yang membawa Turki kapada kechelakaan.

Peranan jahat Freemason di-Turki ini, telah turut di-akui sendiri oleh penulis2 barat yang terkemuka, saperti *Bernard Lewis* dalam buku-nya *The Emergence of Modern Turkey* — Oxford Press 1965 (lihat majalah Dakwah Bil. 3 Jilid 1, Jamadil Awal, 1397 bersamaan Mei, 1977).

PENGAKUAN ORANG TURKI SENDIRI

Sementara pengakuan dari orang Turki sendiri ada-lah lebeh menjelaskan lagi hal ini, ia-itu sa-bagaimana AKHBAR AL-'ALAM AL-ISLAMI Bil: 558 bertarikh 16hb Muharram, 1398 telah memetik suatu kenyataan oleh sa-orang bekas Jenderal Turki dalam Kerajaan Othmaniah, *Jawad Raf'at Atalkhan*, yang pernah bertempor dalam peperangan mempertahankan Negeri Turki dan bertempor dalam Peperangan Dunia yang pertama (1914-1918) di-Plastin.

Jenderal Jawad Raf'at Atalkhan telah menerangkan bagaimana chara dan tektik Freemasonry bekerja merobohkan Kerajaan Othmaniah Turki itu. Beliau ada-lah sa-orang penulis. Ia menulis buku tentang *Spy2 Yahudi* di-perbatasan negeri Plastin, yang telah di-terjemahkan ka-dalam berbagai-bagai bahasa, dan banyak buku2 karangan-nya yang lain yang menyingkap rahasia2 Freemasonry dan Zionis Antarabangsa serta gerakan2 mereka yang jahat. Antara karangan2-nya itu bertajok dalam bahasa Arab: *Al-Khatarul Muhith Bil-Islam* (Bahaya Yang Melingkongi Islam), *Ayyuhat Turkiyyu . . . I'rif 'Aduwwak* (Wahai anak Turki . . . Kenal-lah Musoh Engkau), Asrarul Masuniah (Rahasia Freemasonry), *Addaulah Al-Khafiyyah* yakni *Al-Asabi' Al-Yahudiah Al-Khafiyyah* (Negara Yahudi Yang Tersembunyi), *Kayfa 'Amalul Masuniah 'Ala Hadmil Islami Wal Qaumiah At-turkiah* (Bagaimana Chara Freemasonry Menghanchorkan Islam Dan Nationalism Di-Turki). Beliau juga menerbitkan Surat Khabar harian yang bernama "Al-Mustaqbal", dan pada masa ini menerbitkan Surat Khabar dalam bahasa Inggeris bernama *United Islam Nation.*

Untok jelas-nya, saya petik dan terjemahkan isi kenyataan Jenderal ini yang antara-nya:

"Bahawa tujuan jangka pendek Freemasonry itu ia-lah bekerja dalam diam2 atau sembunyi2 untok menguasai dunia dengan fikiran2-nya, dan mempunyai matlamat supaya sa-berapa ramai juga orang akan menerima fikiran dan mazhab Freemason itu."

Jenderal Jawad Raf'at menyalin kenyataan di-atas ini dari nas keputusan Konggres Freemason di-Peranchis pada tahun 1923 dalam muka surat 349.

Kata Jenderal Jawad Raf'at lagi: "Bahawa Freemasonry itu ia-lah ketua segala Parti2 Politik, dan bukan pengikut kapada Parti2 itu."

Tegas Konggres itu lagi, bahawa adapun tujuan utama Freemasonry, ia-lah berjuang melawan pertubohan2 yang bekerja pada merapatkan hubongan di-antara masa lampau dengan zaman yang baharu, dan oleh sebab itu pula orang2 Mason berjuang dibarisan2 hadapan bagi menchapai tujuan2 tersebut atas asas satu2-nya MENENTANG DAN BERUSAHA MEROBOHKAN SEGALA UGAMA, KEBANGSAAN DAN ADAT RESAM MANUSIA.

Tujuan jangka panjang pula, Pertubohan ini ada-lah mempunyai chita2 MENUBOHKAN SA-BUAH REPUBLIK DEMOKRAT DENGAN CHARA YANG SULIT YANG MELIPUTI SELUROH DUNIA (kenyataan ini terkandong dalam siaran Freemason bertarikh 1744 Masehi).




ANTARA simbol2 dan tempat rahasia Freemasonry menurut Akhbar Al-'Alam Al-Islami.

Dalam Konggres mereka pada tahun 1889 kerana memperingati Revolusi Peranchis yang berlaku dalam tahun 1779, *Franklin* berkata: "Bahawa masa-nya akan tiba bagi umat2 yang jahil tentang tujuan2 revolusi 1779 itu bersatu menentang ugama, dan hari itu sa-sunggoh-nya tidak-lah jauh, kita sedang menunggu-nya, di-mana persaudaraan Freemason akan bertiup dimerata-rata negeri dan kalangan antarabangsa.

Demikian-lah ranchangan masa depan orang2 Freemason itu bertujuan mendirikan kerajaan yang tidak kenalkan Allah, sa-bagaimana di-sebut dalam Konggres mereka di-Paris pada tahun 1900.

Mereka itu memerangi segala ugama, mengawal dan memupok kerajaan2 yang tidak berugama. Mereka mengharuskan apa sahaja untok menchapai tujuan2 ka-arah itu.

MENGGUNAKAN SIMBOL2 YANG INDAH

Di-antara sebab2 terbesar-nya Freemasonism dalam 100 tahun yang lampau, ia-lah timbul-nya *ism2* dan *mazhab2* baharu yang bebas sa-bagai natijah dari pendapat dan pemikiran manusia. Mereka menchipta dan menggunakan simbol2 *kebebasan, persamaan* dan *persaudaraan* yang indah. Kejayaan yang di-dapati oleh aliran dan mazhab2 bebas inilah, yang menolong lagi Freemosonism maju ka-hadapan dengan chepat-nya, sa-bagaimana juga lain2 aliran dan mazhab saperti faham *Humanism, Materialism, Experimenism* dan lain2. Berkata saorang pengasas Freemasonry, H. Fis: "Kewajipan kamu ia-lah meletakkan prinsip2 yang baharu dengan tidak usah memikirkan akibat2-nya."

Aliran MARXISM dan aliran yang tiada berkebangsaan lahir dari Freemasonism, sebab pengasas bagi ke-dua-dua aliran atau faham ini, ia-lah *Karl Marx* dan *Engels,* mereka ada-lah orang2 Freemasonry dari kelas ke-31, dan ke-dua-duanya menggerakkan Freemasonry sa-chara sulit, dan daripada ke-dua-dua mereka ini pula lahir *Perishtiharan Komunis* yang mashor itu.

Sa-buah majalah German, LATUNIA, telah menyiarkan sa-buah renchana dalam keluaran-nya pada 12hb Julai 1894, mengalu-alukan kelahiran mazhab Istirakiah (*Sosialism*). Kata renchana itu: Freemasonry telah mendapat sa-baik2 sumber dari sosialism, oleh itu wajib-lah kita menyokong aliran tersebut (termaktub dalam perishtiharan Freemasory Peranchis tahun 1904 muka surat 237).

Demikian-lah Jenderal Jawad Raf'at Atalkhan menerangkan dokumen2 yang menunjokkan bahawa Freemasonry itu ada-lah pertubohan musoh yang bertentangan dengan akidah kita, yang antara kegiatan besar-nya ia-lah: MERUBOHKAN UGAMA2 TERUTAMA UGAMA ISLAM, INGIN MEMBENTOK NEGARA DEMOKRAT ANTARABANGSA ATAS LUNAS2 KEKEJAMAN, TIDAK TAAT KAPADA UL-UL-AMRI (Raja, pemerentah atau kerajaan, terutama pemerentahan beraja Islam sa-bagaimana berlaku di-Turki).

(Bersambong)



المؤلف في سطور ...

جواد رفعت اتلخان - جنرال متقاعد في الجيش التركي .

اشترك في حرب الاستقلال التركي .

اشترك في حرب فلسطين في الحرب العالمية الاولى وساق كثيرا من جواسيس اليهودية الى حبل المشنقة

له كتاب عن جواسيس اليهود في الجبهة الفلسطينية ترجم الى كثير من اللغات الحية .

اكثر مؤلفاته تبحث عن الماسونية واليهودية العالمية ومؤامراتها منها :

١ - اسلامي صاران تهلكة ( الخطر المحيط بالاسلام )

٢ - تورك اوغل دوشمانك طاني ( أيها التركي .. اعرف عدوك )

٣ - اسرار الماسونية ( وهو المترجم )

٤ - كيزلى دولت ، الدولة الخفية ) يعني الاصابع اليهودية الخفية

٥ - كيف عمل الماسونيون على هدم الاسلام والقومية التركية

٦ - وله مقالات وابحاث كثيرة على صفحات الصحف والمجلات التركية حول الخطر اليهودي

٧ - كان يصدر جريدة يومية باسم « استقبال » اي ( المستقبل )

٨ - وهو الان يصدر جريدة باللغة الانكليزية باسم

United Islam Nations

GAMBAR Jenderal Jawat Raf'at Atalkhan yang di-siarkan oleh Akhbar Al-'Alam Al-Islami.



GAMBAR berdiri sebelah kiri Karl Marx bersama Engels (berdiri kanan) dan tiga orang anak perempuan-nya.

# Perkembangan Daerah Tutong

Dari muka 1

pendudok daerah tersebut sa-jurus sa-telah selesai Istiadat Perbarisan Kehormatan pagi Rabu, 17hb Julai lepas.

Pemangku Pegawai Daerah juga menyembahkan pada menampong perkembangan dan pertambahan penuntut2 di-bidang pelajaran, kerajaan telah juga melaksanakan beberapa projek yang bersangkutan.

Ini termasok-lah pembenaan sa-buah sekolah di-Kampong Sengkarai dan beberapa buah rumah guru di-Bukit Bendera yang sedang dalam proses pembenaan-nya.

Awg. Puasa juga menyembahkan bahawa bebe-rapa buah rumah bagi kemudahan2 pegawai2 dan kaki-tangan2 kerajaan sedang pun di-laksanakan dan akan dapat di-gunakan tidak lama lagi.

Dalam sembah itu Awg. Puasa tidak lupa menjelaskan kesediaan raayat dan pendudok daerah tersebut menjunjong titah Baginda pada menumpukan usaha dan tenaga bagi menjadikan Negeri Brunei sa-bagai sa-buah negara Islam yang merdeka penoh menurut hukum2 Islam.

Terdahulu dari itu Awg. Puasa telah menyembahkan bahawa agar dengan keberangkatan Baginda berchemar duli ka-daerah itu akan meninggalkan kesan yang penoh berkat bagi raayat dan pendudok melipat-gandakan usaha menchari nafkah yang halal menerusi kemudahan2 yang di-sediakan oleh Kerajaan Baginda.

Bagi merayakan Hari Keputeraan Kebawah DYMM di-Daerah Tutong tahun ini berbagai achara persembahan telah di-ator termasok perlumbaan perahu di-sungai Tutong, berchuchol di-rumah2, kedai2 dan pintu2 gerbang.

Pameran perkembangan Daerah Tutong bertempat di-Dewan Kemasharakatan dan perlawanan akhir tarek kalat telah di-adakan pada 18hb Julai.

Persembahan pentas dari persatuan2 belia, penuntut2 sekolah dan peraduan membacha Kor'an dan sharahan sekolah2 ugama perengkat negeri juga di-adakan bagi menyerikan lagi persembahan perayaan.

Pesta Tamu Ria yang di-adakan di-Pantai Seri Kenangan dengan berbagai peraduan dan pertandingan akan di-langsongkan pada hari Ahad, 2hb September, 1979 mulai jam 8.00 pagi.



KEBAWAH DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei memereksa barisan anggota Pulis Diraja Brunei di-Upachara Perbarisan Kehormatan di-Padang KBRC pada hari Ahad lalu.

# Kemudahan perhubongan bagi Daerah Belait

Dari muka 1

raayat dan pendudok di-kawasan Kampong Sungai Teraban dan ini merupakan pemasangan julong2 kali untok kawasan mukim di-negeri ini.

Menyentoh pembenaan jalan-raya di-daerah tersebut, Pegawai Daerah itu menyembahkan lagi, perkara tersebut sentiasa di-mata-matai di-samping berusaha bagi mengatasi kesesakan lalu-lintas di-kawasan bandar.

"Pembesaran jalan-raya telah di-selenggarakan, pembenaan longkang besar di-kawasan bandaran menghala ka-laut bagi mengatasi banjir di-kawasan2 rendah sedang ranchak di-jalankan", sembah Dato Paduka Awang Haji Abdullah.

Di-samping projek2 tersebut, Dato Paduka Awang Haji Abdullah menjelaskan dua buah masjid untok kegunaan beribadat telah juga di-bena saperti yang terdapat di-Mukim Labi dan Mukim Sungai Liang.

Pegawai Daerah Belait itu juga seterus-nya menyembahkan taat setia yang tidak berbelah bahagi kapada Baginda dan Kerajaan dan berikrar akan menumpukan usaha pada memikul tanggong-jawab bagi membisaikan lagi negeri ini sa-bagai sa-buah negeri Islam yang berdaulat serta merdeka penoh.

Pegawai Daerah tidak lupa merafakkan do'a semoga Allah akan melanjutkan usia Baginda dan Kerabat2 Diraja yang lain.

Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan ka-Istiadat Mengadap dan Menyembahkan Keshukoran bagi Daerah Belait yang telah di-adakan di-Dewan Kemasharakatan pagi Ahad, 22hb Julai itu telah di-sambut dengan pukolan hadhrah oleh sa-pasokan pemain hadhrah Kuala Belait dan barisan raayat serta pendudok pekan Kuala Belait yang berdiri di-hadapan bangunan dewan tersebut.

Terdahulu sa-belum itu Upachara Perbarisan Kehormatan telah di-adakan di-Padang KBRC sa-bagai menandakan bermula-nya achara perayaan Hari Ulang Tahun Keputeraan Baginda yang ke-33 tahun bagi Daerah Belait.

Keberangkatan Baginda ka-Daerah Belait dari ibu negeri di-sertai oleh Kerabat2 Diraja dengan menaiki pesawat helikopter Askar Melayu Diraja Brunei dan mendarat di-padang Jalan Penglima di-mana Baginda dan rombongan telah di-sambut oleh barisan murid2 sekolah yang berdiri di-sa-panjang jalan sambil mengibarkan bendera Brunei.

Turut mengambil bahagian di-Upachara Perbarisan pada pagi itu ia-lah Pasokan Pulis Diraja Brunei, Pencharagam Pulis Diraja Brunei, Pasokan Panji2 Diraja, Kadet Pulis Diraja Brunei, Kadet AMDB dan lain2 pertubohan awam yang berunifom.

Sa-banyak 21 das tembakan meriam dan tembakan senapang telah di-lepaskan sa-bagai mengalu-ngalukan keputeraan Baginda yang di-akhiri dengan sorak 'Daulat Duli Tuan Patek' dari perbarisan yang mengambil bahagian.

Hadhir sama di-kedua-dua istiadat tersebut termasok-lah Tuan Yang Terutama Pesurohjaya Tinggi British, DYTM Paduka Seri Begawan Sultan, YTM Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir, YTM Paduka Seri Duli Pengiran Muda Jefri Bolkiah, YTB Penasehat Umom Kebawah DYMM, YAB Menteri Besar, YTM Pengiran Pemancha, YB Setia Usaha Kerajaan, YAM Cheteria2, Ahli2 Yang Berhormat dan pegawai2 kanan Kerajaan.

# KURSUS SIVIK PENUNTUT2 KALI KE-4

BANDAR SERI BEGAWAN. — Bahagian Penerangan, Jabatan Setia Usaha Kerajaan dengan kerjasama erat dari Jabatan Pelajaran dan Jabatan Hal Ehwal Ugama, akan menganjorkan Kursus Sivik Penuntut2 Seberang Laut kali ke-empat. Ia-nya akan di-langsongkan di-Pusat Belia sini dalam awal bulan September akan datang.

Jawatankuasa Penyelenggara kursus tersebut dalam mashuarat-nya di-Bilek Taklimat Bahagian Penerangan, Isnin lalu, telah mengambil beberapa kesimpulan di-samping menyusun beberapa ranchangan pembaharuan untok di-ikuti oleh peserta kursus antara-nya ia-lah Kuliah Suboh.

Pehak penganjor kursus itu menegaskan bahawa tujuan kursus tersebut ia-lah "Bagi memberikan kefahaman yang betul serta meningkatkan kesedaran penuntut2 yang belajar di-seberang laut mengenai hal ehwal semasa sekitar negeri dan Kerajaan.

Thema kursus kali ini ia-lah: "Penuntut berilmu dan beriman pemimpin hari esok". Kursus Sivik Penuntut2 Seberang Laut kali pertama di-adakan dalam tahun 1976.

## Selamat bersalin

MENJUNJONG sabda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Sir Muda Omar Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddin bahawasa-nya dengan izin Allah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Masna telah selamat melahirkan sa-orang puteri pada hari Rabu malam Khamis, 18hb Julai, 1979 yang lalu.

YTM Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Masna isteri YAM Pengiran Lela Cheteria Sahibon Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz kini di-korniai Allah s.w.t. puteri sulong dan tiga orang putera.

# *Pameran Bunga2 Hidup*

BANDAR SERI BEGAWAN. — Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Zariah bte Yang Teramat Mulia Seri Paduka Pengiran Pemancha Sahibol Rae' Wal-Mashuarah Pengiran Muda Haji Mohammad Alam telah berangkat untok merasmikan Pameran Bunga2 Hidup yang telah di-adakan di-Dewan Bandaran di-sini pada hari Ahad yang baru-lalu.

Pameran yang di-anjorkan oleh Pertubohan Perkumpolan Wanita Brunei (WI) itu ada-lah merupakan salah satu achara bagi meraikan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei kali yang ke-33 tahun.

Sa-banyak 500 pokok bunga2an yang terdiri dari lebeh 30 jenis telah di-pamerkan. Bunga2an hidup yang di-pamerkan itu termasok-lah jenis bunga2 Orkid, Anthurium, Caladium, Vandas, Ferns, Palms, Katis dan Sansevaria.

Keberangkatan YTM Pengiran Anak Isteri telah di-sambut oleh pemimpin2 WI yang kemudian-nya majlis di-dahului dengan uchapan dari Pengerusi Pameran, Dayang Hajjah Marhani bte Abd Latif.

Sa-lepas pembukaan rasmi di-sempurnakan, YTM Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Zariah kemudian-nya telah di-junjong untok menyaksikan pameran dengan di-iringi oleh Pengerusi Pameran, Dayang Hajjah Marhani.

Turut berangkat menyaksikan pameran tersebut ia-lah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajjah Nor'ain.

Lain2 isteri pembesar negara yang hadhir termasok-lah Yang Dimuliakan Dayang-Dayang Diraja Datin Seri Utama Rosnah bte Abdullah dan Yang Amat Mulia Pengiran Anak Hajjah Siti Rafeah binte Pengiran Bendahara Muda Haji Hashim.



YTM Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Zariah (no 2 dari kanan) dan YTM Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajjah Nor'ain (no 4 dari kanan) ketika menyaksikan sa-bahagian dari pameran itu.

DI-TERBITKAN OLEH BAHAGIAN PENERANGAN, JABATAN SETIA USAHA KERAJAAN DAN DI-CHETAK OLEH JABATAN PERCHETAKAN KERAJAAN BRUNEI.